


Laporan Tahunan
Annual Report | KUIM 2005




KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel 06 798 800 Fax 06 798 8210




M5 ISO 9001 : 2000 REG. NO. A93454



Laporan Tahunan

2005

Annual Report 2005



ISI KANDUNGAN


Rasional Logo/Rationale Of The Logo

- Canselor/Chancellor
- Profil Korporat/University's Profile
- Lembaga Pengarah Universiti/ University Board of Directors
- Pengurusan Universiti/ University Management
- Dekan/ Deans
- Laporan Rektor/ Rectors' Report
- Hal Ehwal Akademik/Academic Affairs
- Hal Ehwal Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan/
Central for Research And Seminars (PPPP)
- Hal Ehwal Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)/
World Fatwa Management Research Institute (INFAD)
- Hal Ehwal Pelajar/ Student Affairs
- Hal Ehwal Pentadbiran Fakulti/ Management Of Faculties
- Hal Ehwal Sumber Manusia/ Human Resource Management
- Hal Ehwal Korporat/ Public Relations & Corporate Affairs
- Hal Ehwal Pengurusan Teknologi Maklumat/ Information Technology
- Hal Ehwal Pengurusan Perpustakaan/ Library
- Kemudahan Am/ Facilities
- Laporan Kewangan Telah Diaudit/ Financial Report (Audited)



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Rasional Logo/ Rationale of the Logo



Rehal

Tulisan KUIM (Kolej Universiti Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

The word KUIM (Kolej Universiti Islam Malaysia) is summarized and formed to be as a rehal, which indicates the platform. The platform symbolizes Islamic University College of Malaysia as the means of knowledge delivered to the students.



Kubah/ Dome

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.


The dome, located in the middle of the logo, represents the University as a respectable Islamic institution in delivering Islamic knowledge.



Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam

The five Arabes motives which are located below the dome represent the five pillars of Islam.



Litar/ Circuit

Litar yang bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya.

The circuit, which is next to the word KUIM, indicates science and technology that are incorporated in delivering the knowledge.

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

The overall logo portrays the Islamic University College of Malaysia as a higher Learning Institution for Islamic studies which inculcates Islamic virtues in delivering knowledge to students.



Profil Korporat/University's Profile



Motto/ Motto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and godly

Falsafah/ Philosophy

Paduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

The integration of naqli knowledge and akli together with character of good deed will be the main platform to mould an excellent generation and knowledge society.

Wawasan/ Vision

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Creating academic excellence and an ummah able to contribute not only towards human progress and nation building but also to advancement of the world.

Misi/ Mission

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Aims to be a leading center of Islamic studies that utilizes advanced' approaches in the era of ICT to explore issues for the well-being and harmony of the society and islam.

Objektif/ Objectives

1. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

To cultivate and uphold the Islamic principles, civilization and culture into themainstream of the national education

2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.

To enable students to establish an integration between Islamic theories and practice

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

3. Melahirkan ilmuwan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan negara.
To produce brilliant Muslim leaders who are highly competent to lead and govern the nation in a global society and environment
4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini dan
To explore the various Islamic principles and disciplines consistent with the modern environment and technologies
5. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.
To provide a strong human capital with the assimilation of Islamic values that would contribute to the society, nation and the world as a whole.

Dasar Q/ Dasar Q

KUIM bertekad dan berlitzam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajaran Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

KUIM strives to become a leading public institution of higher education of international standards based on Islamic teachings by integrating Quality Management System and continuous improvement of standards in:

- Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan stakeholders Universiti;
Providing efficient service in accordance to the needs of the clients and university's stakeholders;
- Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti ke arah pemartabatan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat;
Furnishing high quality education and administrative system by nurturing Islamic values relevant to the needs of mankind and civilization; and
- Menggunakan Amalan Terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto:
Using the best available means to produce Muslim intellectuals who are holistic and of high asset that appreciates the motto of:

"Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa"

Objektif Kualiti/ Quality Objectives

1. Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan KUIM.
To provide high quality and satisfying service that exceeds the expected standards of the clients.
2. Mewujud dan mengekalkan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.
To create and sustain a conducive environment that promotes professional teamwork between the staff and clients.
3. Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.
To stand below the emitted budget in every component and to optimize the available means.

Canselor/ Chancellor

DULI YANG MAHA MULIA

TUANKU NAJIHAH BINTI AL - MARHUM

TUNKU BESAR BURHANUDDIN

TUNKU AMPUAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

D.K., D. M. N., D.K. (Kedah) D.K. (Kelantan) S. P. T.J., S.P.M.K



Lembaga Pengarah Universiti

Pengerusi/ Chairman

Y.Bhg. Tan Sri Dr Mohamed Yusof Hj Md Noor

Rektor/ Rector

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abd. Shukor Hj Husin

Ahli/ Members

Y.Bhg. Dato' Mohd Zawawi Salleh

Ahli/ Members

Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri

Ahli/ Members

Y.Bhg. Dato' Izhar Sulaiman

Ahli/ Members

Y.Bhg. Datin Hajjah Rodiah Binti Mear Sulaiman

Ahli/ Members

Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman

Ahli/ Members

Y.Bhg. Puan Hajjah Norzirah Binti Bahari

Setiausaha/ Secretary

Tuan Hj. Addenan Hj Abd Rahman



University Board of Director's



Pengurusan Universiti / University Board of Management



Rektor/Rector
Y.Bhg. Prof. Dato'
Dr. Abd. Shukor Hj Husin



**Timbalan Rektor/Akademik &
Pengantarabangsaan)/
(Academic & International Affairs)**
Y.Bhg. Prof. Dato'
Dr. Mohamed Asin Dollah



**Timbalan Rektor/Pembangunan)
(HEP & Student Affairs
& Alumni)**
Y.Bhg. Prof.
Dr. Mohammad Hj Alias



**Ketua Pustakawan/
Chief Librarian**
Encik Jasmin Jaimon



Pendaftar/Registrar
Tuan Hj. Addenan
Hj Abd Rahman



Bendahari/Busar
Puan Hajjah Rohani Abu



**Pengarah Unit
Pembangunan/Director
of Development Unit**
En. Ir. Dalm Saian

Dekan/ Deans

- **Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan**
Faculty of Leadership and Management
Dekan/Dean
Y.Bhg. Prof. Dr. Datin. Hajjah Mizan Adiliah bt. Ahmad Ibrahim
 - **Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah**
Faculty Quran and Sunnah
Dekan/Dean
Y.Bhg. Dr Adnan bin Mohammed Yusuff
 - **Fakulti Syariah dan Undang-Undang**
Faculty of Syariah and Law
Dekan/Dean
Y.Bhg. Prof. Dr. Haji Abdul Samat bin Musa
 - **Fakulti Ekonomi dan Muamalat**
Faculty Economics and Muamalat
Dekan/Dean
Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad bin Muda
 - **Fakulti Sains dan Teknologi**
Faculty of Science and Technology
Dekan/Dean
Y.Bhg. Prof. Dr. Jalani bin Sukaimi
 - **Pusat Tamhidi**
Pemangku/Acting
Y.Bhg. Prof. Dr. Jalani bin Sukaimi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**
Faculty of Medicine and Health Sciences
Y. Bhg. Prof. Dr. Nik Mohd Nasri bin Nik Ismail
- **Fakulti Pengajian Bahasa Utama**
Faculty of Major Language Studies
Pemangku Dekan/Dean (Acting)
Y.Bhg. Prof. Dato'Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Laporan Rektor/ Rector Report

Kolej Universiti Islam Malaysia 2005



Laporan Rektor

Rector's Report

Selepas lima tahun beroperasi akhirnya KUIM dapat berpindah ke kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. KUIM bermula dengan kakitangan pentadbiran dan akademik yang asas dan kecil pada tahun 2000. Kini, jumlah kakitangan KUIM telah melebihi 500 orang. Begitu juga dengan jumlah pelajar yang telah melebihi 2,000 orang. Bilangan fakulti dan program pengajian juga telah bertambah dan berkembang. Semua ini berlaku dengan pantas dan dalam tempoh 5 tahun dan KUIM telah mengeluarkan graduan melalui tiga majlis Konvokesyen yang telah diadakan.

Pada sesi akademik 2005/2006 sebanyak lapan program baru di peringkat sarjana muda kepujian ditawarkan. Program-program tersebut ialah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian, Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian dan Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian, Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri, Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) dan Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat).

Penawaran program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian juga telah mewujudkan sebuah lagi fakulti baru pada sesi akademik ini iaitu Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Kesemua 12 program yang ditawarkan pada sesi 2005/2006 dijalankan dalam 4 tahun pengajian sementara 2 program lagi iaitu Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian dan Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri dijalankan dalam 5 dan 6 tahun pengajian.

Pada sesi pengajian 2005/2006 juga, turut diperkenalkan 2 lagi program baru iaitu Tamhidi Sains dan Teknologi dan Tamhidi Syariah dan Undang-undang yang dijalankan dalam tempoh 1 tahun. Penubuhan Pusat Tamhidi ini bertujuan untuk menyediakan pelajar bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang tertentu di mana calon bagi program ini terdiri daripada Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang mendapat keputusan cemerlang.

Aneka program pengajian berteraskan keislaman yang ditawarkan oleh KUIM merentasi semua cabang ilmu yang meliputi ekonomi, undang-undang, bahasa, dakwah, pengurusan, Quran, Sunnah, Fiqah, kaunseling, komunikasi, perubatan, sains dan teknologi maklumat.

KUIM moved to its permanent campus in Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan in its fifth year of operation. KUIM started with a small number of administrative and academic staff in 2000. At present, KUIM has more than 500 staff, while the total number of students has reached more than 2000. Similarly, the number of faculties and programmes of studies has increased and developed. All these developments are taking place very fast. Within the past five years, KUIM has produced graduates from its three convocation ceremonies.

Eight new undergraduate programmes were introduced during the 2005/2006 academic session. They are the Bachelor of Arabic and Communication with Honours, Bachelor of Quran Studies and Multimedia with Honours, Bachelor of Sunnah Studies and Information Management with Honours, Bachelor of Syariah and Law with Honours, Bachelor of Fiqh and Fatwa with Honours, Bachelor of Medicine and Surgery, Bachelor of Science with Honours in Actuarial Science and Risk Management and, lastly, Bachelor of Computer Science with Honours in Information Security and Assurance.

In offering the Bachelor of Arabic and Communication programme, a new faculty was born during this academic session, the Faculty of Major Languages.

All 12 programmes offered during the 2005/2006 session are conducted over 4 years while 2 other programmes, the Bachelor of Syariah and Law and the Bachelor of Medicine and Surgery are conducted over 5 and 6 year periods, respectively.

During the current academic session, two new programmes conducted over a 1 year period were introduced, Tamhidi Science and Technology and Tamhidi Syariah and Law. The Tamhidi Centre prepares the students for entering the undergraduate programmes in all fields. The students in this programme are Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) high-achievers.

Various Islamic based programme studies offered by KUIM cover various fields such as Economics, Law, Language, Da'wah, Quran, Sunnah, Fiqh, Counselling, Communication, Medicine, and Science and Information Technology. They do not follow the conservative traditional Islamic courses of study but cut across all fields to meet current market needs, especially in critical and professional areas. All these make KUIM a university that is both competitive and sensitive towards current needs.



Laporan Rektor

Ia tidak berpaksi kepada bidang tradisional Islam semata tetapi merentasi semua bidang yang memenuhi kehendak pasaran semasa termasuk program kritikal dan profesional, menjadikan KUIM sebagai universiti yang kompetitif dan peka dengan keperluan semasa.

Mulai tahun 2005 juga, Unit Jaminan Kualiti telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Bahagian Akademik. Buat pertama kalinya, Unit Jaminan Kualiti telah membuat penilaian kepada program Sarjana Muda Ekonomi dan Muamalat di bawah Fakulti Ekonomi dan Muamalat bagi tujuan mendapatkan pengiktirafan terhadap program tersebut. Di antara objektif penubuhan unit ini adalah untuk memastikan penyediaan program-program baru memenuhi kriteria dan standard serta prosedur jaminan kualiti pendidikan tinggi dan memastikan perancangan dan tindakan sistematis dalam mewujudkan keyakinan bahawa kualiti sentiasa ditingkatkan serta produk dan perkhidmatan memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Ia juga bertujuan untuk menjalankan penilaian terhadap program-program baru selain daripada memastikan pengawasan rapi melalui penggunaan garis panduan kriteria dan standard jaminan kualiti. Unit ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan dan maklumat akademik yang berkaitan dengan program-program baru.

Bersesuaian dengan perkembangan program akademik KUIM, bilangan kakitangan akademik yang telah bercuti belajar pada tahun 2005 telah meningkat melalui Biasiswa SLAB JPA dan juga Biasiswa KUIM. Pada masa ini, terdapat kakitangan KUIM yang sedang melanjutkan pengajian di United Kingdom, Syria, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia dan juga Jordan. Unit Cuti Belajar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar pada tahun 2005 ini juga telah menyusun beberapa program untuk kakitangan yang akan melanjutkan pengajian mereka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kursus, bengkel, taklimat dan sebagainya.

Para kakitangan akademik KUIM juga telah memberikan kerjasama yang baik dalam merancakkan aktiviti penulisan di KUIM. Ini kerana KUIM berhasrat menjadi salah sebuah IPTA yang berjaya dalam penghasilan dan penerbitan karya-karya ilmiah yang bermutu. Sebanyak 14 buah buku telah dilancarkan sepanjang tahun 2005 termasuk buku Islam Hadhari : Rakyat Berjiwa Merdeka dan Islam Hadhari : Penguasaan Ilmu Pengetahuan serta Islam Hadhari dan Kehidupan.

Perjalanan aktiviti fakulti-fakulti sepanjang 2005 penting dalam perkembangan akademik KUIM. Penubuhan fakulti

Rector's Report

In addition, the Quality Assurance Unit was established under the Academic Division, in 2005. For the first time ever, this unit conducted an assessment of the Bachelor of Economics and Muamalat programme at the Faculty of Economics and Muamalat to obtain accreditation for this programme.

One of the objectives of this unit is to ensure that all new programmes meet specific performance criteria, and also comply with higher education quality assurance standards. Another objective is to ensure that plans and systematic actions develop confidence and that quality is always being improved and that the product and services fit specific standards of quality. Besides that, one of the objectives of the unit is to conduct assessments of new programmes and to maintain close observation by using specific criteria as guidelines and quality assurance standards. This unit is also responsible for preparing reports and academic information regarding new programmes.

Along with the expansion of KUIM's academic programmes, the number of academic staff pursuing post-graduate studies through the Burniputera Academic Training Scheme (SLAB) and KUIM scholarships in 2005 has increased. Currently, there is a number of academic staff studying in the United Kingdom, Syria, the United States of America, New Zealand, Australia and Jordan. In 2005, the Study Leave Unit at the Human Resources Management Division, organized programs specifically for staff going for their post-graduate studies. Among the activities conducted were courses, workshops, and briefings.

Academicians in KUIM have also given great contribution in generating the writing culture in KUIM. This is because KUIM aims to be one of the IPTAs that is successful in producing high-quality scholarly articles. Fourteen books have been launched in the year 2005 including Islam Hadhari: Rakyat Berjiwa Merdeka (Islam Hadhari: Sovereign Citizen), Islam Hadhari: Penguasaan Ilmu Pengetahuan (Islam Hadhari: Empowering Knowledge) and Islam Hadhari dan Kehidupan (Islam Hadhari and Life).



Laporan Rektor

Rector's Report

baru, penawaran program baru, perlaksanaan program khusus untuk meningkatkan tahap akademik dan pembangunan sahsiah pelajar, penganjuran seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menyumbang kepada pembangunan akademik dan peningkatan sahsiah pelajar. Sehubungan itu fakulti telah merangka pelan pembangunan mahasiswa yang meliputi usaha pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti bahagian Hal-ehwal Pelajar dan Bahagian Akademik. Ia penting agar graduan yang dilahirkan benar-benar berkualiti selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi Pusat Pengajian Ilmu yang terulung sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) ialah sebuah pusat yang menyelaraskan pelbagai aktiviti penyelidikan dan persidangan di peringkat KUIM yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pengurusan penyelidikan dan tatacara kewangan serta menjadi medium penyaluran maklumat penyelidikan dan persidangan untuk tujuan rujukan para kakitangan akademik di KUIM.

Sehubungan itu, pada tahun 2005 banyak usaha dipertingkatkan bagi menggerakkan penyelidikan bersifat fundamental, penyelidikan pantas dan sebagainya yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti.

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Brunei Darussalam, Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama Brunei dan Pejabat Mufti Kerajaan Brunei pada tahun 2005. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUIM dengan Universiti Brunei Darussalam, kunjungan dan perbincangan dengan Mufti Kerajaan Brunei mengenai INFAD dan kunjungan dan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Agama Brunei. Peluang ini telah digunakan sepenuhnya bagi memantapkan lagi rangkaian antarabangsa dan memenuhi objektif penubuhan INFAD. Selain daripada itu, Majlis Perjumpaan Bersama Dengan Rabitat Al-alam Al-Islami (*Muslim World League*) yang merupakan organisasi antarabangsa bukan kerajaan yang mewakili umat Islam seluruh dunia di mana cawangannya terletak di serata dunia termasuk di Malaysia. Majlis perjumpaan ini adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan bagi faedah bersama di samping dapat merangka hubungan erat dan kerjasama di antara kedua-dua pihak. Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang dianjurkan bersama oleh INFAD dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menjadi satu

The activities of the faculties throughout 2005 were vital to the development of KUIM's academic life. These included various milestones such as the establishment of a new faculty, introduction of new programmes, implementation of specialized programmes to enhance students' social and academic development, administration of national and international seminars, and contributing to the students' social and academic development.

In relation to this, the faculty has devised a graduate development plan for enhancing the students' social and academic development in collaboration with other units/departments in KUIM such as the Students' Affairs Division and the Academic Division. This is essential so that our graduates will be of high quality, in parallel with KUIM's objective in becoming a renowned Knowledge Hub/Centre at the national and international levels.

The Centre of Research and Conference Management (PPPP) handles research and conference activities at KUIM. It is responsible for coordinating all events related to research and conference activities and financial management procedures. It is also a medium for channelling research and conference information to academicians in KUIM.

In relation to this, in 2005, a considerable effort was made to empower fundamental research, express research and other types of research approved by the University Research Board.

In 2005, the World Fatwa Management and Research Institute (INFAD) had conducted an official visit to Universiti Brunei Darussalam as well as the offices of the Minister of Brunei's Religious Affairs and the Brunei State Mufti. Among the objectives of this visit were the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between KUIM and Universiti Brunei Darussalam, discussions with the Brunei State Mufti and the Minister of Brunei's Religious Affairs regarding INFAD and other matters. This opportunity was used to develop international networking and meeting INFAD's objectives. There was also a Meeting with Rabitat Al-alam Al-Islami (*Muslim World League*), which is a non-governmental organization that represents Muslims all around the globe. This organization has branches all over the world, including Malaysia. The purpose of the meeting was to provide a platform for exchanging ideas for universal benefits as well as developing good relations between the two parties.



Laporan Rektor

Rector's Report

baru, penawaran program baru, perlaksanaan program khusus untuk meningkatkan tahap akademik dan pembangunan sahsiah pelajar, pengajuran seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menyumbang kepada pembangunan akademik dan peningkatan sahsiah pelajar. Sehubungan itu fakulti telah merangka pelan pembangunan mahasiswa yang meliputi usaha pembangunan akademik dan sahsiah dengan kerjasama beberapa unit/bahagian di KUIM seperti bahagian Hal-ehwal Pelajar dan Bahagian Akademik. Ia penting agar graduan yang dilahirkan benar-benar berkualiti selaras dengan hasrat KUIM untuk menjadi Pusat Pengajian Ilmu yang terulung sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa.

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) ialah sebuah pusat yang menyelaraskan pelbagai aktiviti penyelidikan dan persidangan di peringkat KUIM yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pengurusan penyelidikan dan tatacara kewangan serta menjadi medium penyiaran maklumat penyelidikan dan persidangan untuk tujuan rujukan para kakitangan akademik di KUIM.

Sehubungan itu, pada tahun 2005 banyak usaha dipertingkatkan bagi menggerakkan penyelidikan bersifat fundamental, penyelidikan pantas dan sebagainya yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Universiti.

Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Brunei Darussalam, Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama Brunei dan Pejabat Mufti Kerajaan Brunei pada tahun 2005. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUIM dengan Universiti Brunei Darussalam, kunjungan dan perbincangan dengan Mufti Kerajaan Brunei mengenai INFAD dan kunjungan dan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Agama Brunei. Peluang ini telah digunakan sepenuhnya bagi memantapkan lagi rangkaian antarabangsa dan memenuhi objektif penubuhan INFAD. Selain daripada itu, Majlis Perjumpaan Bersama Dengan Rabitah Al-alam Al-Islami (*Muslim World League*) yang merupakan organisasi antarabangsa bukan kerajaan yang mewakili umat Islam seluruh dunia di mana cawangannya terletak di serata dunia termasuk di Malaysia. Majlis perjumpaan ini adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan bagi faedah bersama di samping dapat merangka hubungan erat dan kerjasama di antara kedua-dua pihak. Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang dianjurkan bersama oleh INFAD dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menjadi satu

The ASEAN Fatwa Management Seminar, jointly organized by INFAD and Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), has become a stepping stone for INFAD for strengthening international networking. Among others, this seminar discusses themes related to fatwa, which include the Dynamics of Fatwa, Fatwa and Society, Fatwa in the ASEAN countries, Fatwa and Globalization, and upholding the Institution of Fatwa. Also, the seminar has succeeded in strengthening the bond among the foreign presenters and participants.

The international presenters are from Syria, Libya and ASEAN countries. Besides collaborating at international levels, INFAD has visited every State Mufti Department in Malaysia to enhance two-way communication between INFAD and the Mufti Departments.

INFAD is making efforts to compile and classify all the fatwas promulgated in Malaysia. INFAD has received almost all the fatwa groupings from the states in Malaysia and the Mufti Departments all over the country have been very cooperative. INFAD is also in the process of compiling its fatwa collections from ASEAN countries and, eventually, from countries all over the world.

The Fatwa Management System (FMS) was officiated by YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Speaker of the Dewan Rakyat, in conjunction with the Fatwa Management Seminar in the ASEAN. This system will operate towards preparing INFAD as a centre of references on fatwa from all around the world. The Ijtihad Development Division was also inaugurated by YB Tan Sri Diraja Ramli Ngah Talib, Speaker of the Dewan Rakyat. The aim of this division is to place Ijtihad as a positive mechanism and develop it to solve various issues and problems faced by Muslims nowadays.

One of the strategic Human Resource Development factors that aim towards excellence in public service is the competitive and pro-active ability of human resources to support and implement innovation, modifications, and recreation of systems and management processes. Excellence in public service is much needed and is given top priority. Excellence includes the promotion of values, quality, productivity, innovation, integrity, accountability, discipline, professionalism, and good management focused on the community.



Laporan Rektor

Rector's Report

landasan kepada INFAD untuk mengukuhkan perhubungan dan rangkaian antarabangsa. Seminar ini antara lain telah membincangkan tema-tema berkaitan fatwa iaitu Dinamika Fatwa, Fatwa dan Masyarakat, Fatwa di Negara-negara ASEAN, Fatwa dan Globalisasi serta Pemartabatan Institusi Fatwa. Pengukuhan hubungan tersebut terjalin melalui peserta dan pembentang luar negara yang menghadiri seminar tersebut seperti daripada Syria, Libya dan negara-negara ASEAN sendiri. Di samping rancangan kerjasama di peringkat antarabangsa, INFAD telah membuat lawatan ke setiap Jabatan Mufti Negeri di Malaysia bagi menjalinkan hubungan dua hala yang lebih erat antara INFAD dan Jabatan Mufti.

INFAD sedang menjalankan usaha mengumpul dan mengklasifikasikan semua fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia. Setakat ini pihak INFAD telah pun menerima hampir keseluruhan kumpulan fatwa dari beberapa Negeri di Malaysia dengan mendapat kerjasama yang baik daripada para Mufti dan Jabatan-jabatan Mufti dari seluruh negara. INFAD juga sedang menambahkan koleksi fatwanya dengan mendapatkan daripada negara-negara ASEAN dan akan diperluaskan ke seluruh dunia.

"Fatwa Management System" (FMS) atau Sistem Pengurusan Fatwa telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Dipertua Dewan Rakyat sempena Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN. Sistem ini akan beroperasi ke arah menyediakan INFAD sebagai pusat rujukan maklumat berkaitan fatwa seluruh dunia. Bahagian Pembangunan Ijtihad juga telah dirasmikan penubuhannya oleh YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Dipertua Dewan Rakyat. Antara matlamat penubuhannya untuk menjadikan Ijtihad sebagai mekanisma positif dan membina ke arah penyelesaian berbagai-bagai isu dan masalah yang dihadapi oleh umat Islam masa kini.

Salah satu faktor Pembangunan Sumber Manusia yang strategik ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam ialah keupayaan sumber tenaga manusia yang berdaya saing dan menjadi penggerak utama menyokong dan melaksanakan pembaharuan, pengubahsuaian, penciptaan semula kepada sistem dan proses pengurusan. Dalam hal ini, pembudayaan nilai-nilai kecemerlangan dalam perkhidmatan awam amat diperlukan dan berada pada tahap amalan yang tinggi seperti penghayatan nilai-nilai kualiti, produktiviti, inovatif, integriti, akauntabiliti, disiplin, profesionalisme, tadbir urus yang baik, dan berfokuskan kepada komuniti.

Therefore, it is the responsibility of KUIM to be responsive to its surroundings and to plan pro-active measures by investing in human capital welfare, career development, mastery of knowledge and skills, inculcating good individual values, and ensuring that KUIM staff will be able to carry out their duties effectively.

KUIM staff are also sent for courses to private agencies, especially for the acquisition of highly technical skills. This effort is aimed at producing dedicated, efficient, responsible and competitive staff. The Training Unit is conducting a Program Sangkutan Pegawai Tadbir as a means of giving exposure to staff in working at different places, while upgrading the existing delivery system at KUIM.

For the students, KUIM has organized inter-faculty and inter-departmental debate competitions in order to encourage the students' active participation in co-curricular activities. This is in line with the university's aspiration to produce excellent debaters who can represent the university at public universities' debating tournaments. In fact our debating team has emerged champion in this year's inter-varsity debate championship. Consequently, KUIM has been appointed as the host for ASEAN Debate Championship in early 2006.





Laporan Rektor

Rector's Report

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab KUIM untuk terus responsif kepada persekitaran dan mengambil tindakan yang proaktif melalui pelaburan modal insan (*human capital*) dalam aspek pemeliharaan kebajikan, pembangunan kerjaya, penguasaan pengetahuan dan kemahiran, dan amalan nilai-nilai peribadi mulia dalam memastikan kakitangan KUIM dapat melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Sehubungan itu, bagi tahun 2005, sebanyak 45 kursus telah dirancang oleh Unit Latihan untuk semua kakitangan KUIM termasuk latihan ICT dengan kerjasama Unit IT. Latihan ini adalah bertujuan untuk membentuk sikap, kemahiran dan pengetahuan di kalangan kakitangan KUIM itu sendiri. Selain daripada mengikuti kursus dalaman yang dianjurkan oleh Unit Latihan sendiri, kakitangan KUIM juga dihantar untuk berkursus di agensi awam yang lain seperti Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Pendidikan, IPTA tempatan dan lain-lain agensi yang diiktiraf dan sesuai.

Selain daripada itu, kakitangan KUIM juga dihantar untuk berkursus di agensi swasta terutama bagi kursus yang memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Usaha ini dijalankan bagi melahirkan kakitangan yang berdedikasi, cekap, bertanggungjawab, dan berdaya saing. Selaras dengan itu juga, Unit Latihan mengadakan Program Sangkutan Pegawai Tadbir KUIM yang memperlihatkan penghantaran pegawai ke agensi berkaitan untuk mendapat pendedahan tugas di tempat lain disamping memikirkan cara untuk memperbaiki sistem penyampaian (*delivery system*) yang sedia ada di KUIM.

Bagi meransang penglibatan aktif pelajar di dalam aktiviti ko-kurikulum, KUIM telah mengadakan pertandingan debat di antara fakulti dan jabatan. Penganjuran pertandingan debat ini selaras dengan hasrat universiti dalam melahirkan pendebat-pendebat handalan yang bakal mewakili universiti ini di peringkat IPTA. Pasukan debat yang dibentuk telah menjadi johan di dalam pertandingan debat di antara universiti IPTA pada tahun ini. Sehubungan dengan kejayaan ini, KUIM akan menjadi tuan rumah kepada Pertandingan Debat ASEAN pada awal tahun 2006 ini.

Pada 2005 juga, seramai 11 pelajar KUIM telah berjaya dipilih mengikuti program penempatan pekerjaan di beberapa syarikat konglomerat. Program ini adalah program pertama kali anjuran Akademi Pemuda dengan kerjasama Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman berguna kepada para pelajar IPTA untuk

Eleven KUIM students have been selected to participate in an internship program at selected conglomerate companies. This programme is the first ever jointly organized by the Youth Academy and UMNO Malaysian Youth Council.

The programme hopes to provide business exposure and experience to public university students. Among the companies participating in the internship program with KUIM are Malaysian Central Bank (Bank Negara Malaysia), The Security Commission (Suruhanjaya Sekuriti), Telecommunication Malaysia Limited (Telekom Malaysia Berhad), Zaid & Co and Bernama.

In our mission to produce students of international standards, an Internationalization Dialogue Session was organized whereby four KUIM students presented papers at the European International Model United Nations conference. In addition, two students participated in an intensive English course in Australia whereas another three students were flown to Jordan to participate in an Intensive Course for Arabic. Another student went to the United States of America to participate in a Student in Free Enterprise (SIFE) program together with other students from seven other local universities





Laporan Rektor

Rector's Report

berkhidmat di syarikat konglomerat negara. Di antara syarikat yang menerima penempatan pelajar KUIM ialah Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Telekom Malaysia Berhad, Zaid & Co dan Bernama.

Untuk tujuan program pengantarabangsaan pelajar, Sesi Dialog Program Pengantarabangsaan telah dianjurkan di mana para pembentang yang terdiri dari empat orang pelajar KUIM telah menghadiri persidangan *The European International Model United Nation*. Selain daripada itu, dua orang pelajar telah dihantar mengikuti Kursus Intensif Bahasa Inggeris di Australia dan tiga orang pelajar juga dihantar mengikuti Kursus Intensif Bahasa Arab di Jordan. Manakala seorang pelajar telah dihantar ke Amerika Syarikat untuk mengikuti program *Student In Free Enterprise (SIFE)* yang disertai oleh 7 buah IPT tempatan.

KUIM juga menggalakkan para pelajarnya terlibat di dalam bidang sukan dan merealisasikan budaya cergas dan cerdas dalam usaha membentuk generasi muda yang aktif.

Sehubungan itu, Unit Sukan dan Rekreasi telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program yang bersesuaian dengan pelajar yang bercorak aktiviti luar dari bilik kuliah seperti Sukan Jalinan Mesra 2005 dan Bulan Kecergasan KUIM. Program yang dijalankan telah mengetengahkan bakat pelajar dalam acara seperti bola jaring, bola sepak, boling, golf dan lain-lain lagi.

Majlis Konvokesyen Ketiga KUIM telah diadakan bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR). Majlis ini telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tuanku Besar Burhanuddin, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan.

KUIM juga telah menerima kunjungan daripada beberapa tetamu daripada pusat pengajian dan pihak swasta dari dalam dan luar negara untuk melihat perkembangan KUIM dengan lebih dekat lagi. KUIM juga turut serta dalam beberapa siri pameran dan ekspo bagi meningkatkan lagi citra KUIM.

Sepanjang tahun 2005, KUIM telah menandatangani beberapa Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelbagai organisasi luar Universiti dalam mewujudkan hubungan dua hala yang lebih erat di dalam dan luar negara.

Persijilan MS ISO 9001:2000 Skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program yang telah dicapai

KUIM also encourages its students to participate in sports in order to build the culture of being active in mind and body, in line with the aspiration to produce an active new generation. As a result, The Sports and Recreation Unit has organized various activities outside the lecture halls, such as the "Sukan Jalinan Mesra 2005" and the "KUIM Fitness Month". These programmes have managed to highlight students' potentials in netball, football, bowling and golf, among others.

The third KUIM convocation ceremony was held at Dewan Canselor Tunku Abd Razak (DECTAR). The ceremony was presided over by the Chancellor, Her Majesty Tuanku Najihah binti Almarhum Tuanku Besar Burhanuddin, The Tuanku Ampuan of Negeri Sembilan.

KUIM has had the pleasure of receiving guests from local and international public and private universities. KUIM has also participated in a few series of expositions and exhibition as part of KUIM's efforts in image building.

Throughout 2005, KUIM has signed a few Memoranda of Agreement and Memoranda of Understanding with organizations outside the university in the quest to establish strong ties locally and internationally.

MS ISO 9001:2000 Certification for The Preparation for Educational Service at the Bachelor Level Compounding Design and Curriculum Development Scope, achieved by KUIM in 2004 has generally helped to improve the competitiveness of the University. The practice of the Quality Management System has helped KUIM to continuously increase its performance in line with the increase in the number of faculties and study programmes.

In tandem with the development in the latest technology, in the year 2005, KUIM has expanded its ICT facilities for the management of the university as well as for the teaching and learning. Consequently, several systems were developed specifically for administrative use through smart partnership between KUIM-UUM.

In line with its move to the permanent campus, the Local Area Network at KUIM will use the Gigabyte Network. The Network and Software Section is responsible in preparing teaching labs with network connection. Accordingly, new labs have been equipped with network and appliance extensions.



Laporan Rektor

Rector's Report

oleh KUIM pada tahun 2004 telah membantu meningkatkan daya saing Universiti secara keseluruhan. Pengamalan kepada Sistem Pengurusan Kualiti telah membantu KUIM untuk terus menunjukkan prestasi yang cemerlang seiring dengan pertambahan fakulti dan program-program pengajian.

Selaras dengan perkembangan terkini teknologi, pada tahun 2005, KUIM telah meningkatkan kemudahan ICT untuk pengajaran dan pengurusan universiti. Sehubungan itu, beberapa sistem telah dibangunkan khusus untuk kegunaan pentadbiran melalui projek perkongsian pintar di antara KUIM – UUM.

Sejajar dengan perpindahan KUIM ke kampus tetap di Nilai, Rangkaian Local Area Network (LAN) di kampus tetap KUIM akan menggunakan Rangkaian Gigabit. Seksyen Rangkaian dan Perkakasan juga bertanggungjawab dalam penyediaan makmal-makmal pengajaran dengan sambungan rangkaian. Sehubungan dengan itu, beberapa makmal baru yang diwujudkan telah diperlengkapkan dengan sambungan rangkaian dan peralatan.

Memandangkan KUIM mempunyai sebuah kampus cawangan di Pandan Indah, keperluan rangkaian untuk sambungan terus dari kampus tetap ke kampus cawangan adalah amat penting. Oleh itu, satu tali litar telah diadakan.

Seksyen Rangkaian dan Perkakasan juga dalam perancangan untuk mewujudkan rangkaian network untuk menghubungkan tiga buah asrama iaitu Nilam Court dan Sutera Indah dan Apartment Chanssellor, Taman Kosas. Ini untuk memudahkan kakitangan dan pelajar dalam urusan kerja mereka.

Seiring dengan tahun 2005, Perpustakaan KUIM berusaha untuk meningkatkan lagi perkembangan koleksinya dan mutu perkhidmatan kepada para pengguna. Ini sejajar dengan pembelian lebih banyak bahan-bahan perpustakaan untuk memenuhi keperluan beberapa program dan fakulti baru yang ditubuhkan oleh KUIM. Pada tahun 2005, satu cawangan baru perpustakaan telah ditubuhkan untuk Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Perpustakaan KUIM juga telah membuka keahliannya kepada pengguna luar. Bahagian Perkhidmatan Pengguna Perpustakaan juga mengadakan kelas-kelas Pendidikan Pengguna bagi memudahkan penguna-penguna memahami cara-cara mendapatkan maklumat dengan efektif, cepat dan berkesan. Kelas-kelas Pendidikan Pengguna dikategorikan kepada beberapa subjek iaitu NSTP E-Media, LawNet, Index

Since KUIM has a branch campus in Pandan Indah, the need to directly connect the network to the main campus and branch campus is important. Accordingly, a circuit line was installed.

The Network and Software section is also planning to connect the three hostels; Nilam Court, Sutera Indah and Chancellor Apartment, Taman Kosas. This will make it easier for the staff and students to handle their daily routine.

In 2005, the university library made an effort to increase its collection and improve service to users. This is in line with the purchase of more materials to fulfil the requirements of new faculties and programmes. In the same year, a new branch library was established by the Faculty of Medicine and Health Sciences.

The library has also extended its membership to users outside the university. The Customer Service Department held user education courses to make it easier for users to understand how to obtain information quickly, effectively and efficiently.





Laporan Rektor

Rector's Report

Majalah DBP, Pencarian Maklumat dalam Internet dan Pencarian Maklumat melalui OPAC Universiti-universiti lain.

KUIM telah berpindah ke kampus tetap pada pertengahan 2005. Perpindahan ini melalui 2 Fasa iaitu Fasa Pertama melibatkan Jabatan Canselor, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari. Perpindahan Fasa Pertama diteruskan dengan perpindahan Unit Pembangunan, Unit Keselamatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Perpustakaan dan Bahagian Akademik.

Perpindahan Fasa Kedua pula melibatkan perpindahan fakulti-fakulti dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP). Kemudian diikuti dengan perpindahan Unit Teknologi Maklumat, Pusat Pengajaran Umum dan INFAD. Kesemua komponen ini ditempatkan di Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan Bangunan Fakulti Syariah dan Undang-undang.

Pentadbiran asrama turut dipindahkan dari Asrama Riviera II dan Riviera III, Pandan Indah ke Kolej Kediaman Nilam Court di Nilai Impian.

Berikutnya dari perpindahan ini, Fakulti Sains dan Teknologi yang menyewa di Kolej Poly-tech MARA Bangi juga dipindahkan ke kampus tetap.

KUIM telah menandatangani kontrak penyewaan Menara B, Pandan Indah dengan WCT Properties Sdn Bhd. untuk penempatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Semua keperluan termasuk makmal pelbagai guna, makmal anatomi, makmal mikrobiologi, makmal komputer dan makmal klinikal ditempatkan di aras 9,10,11,12 dan 13 Menara B, Pandan Indah. Manakala, pelajar perubatan pula ditempatkan di Kolej Kediaman Pelajar Kondominium Chancellor, Taman Kosas, Ampang. Kolej kediaman ini lengkap dengan kemudahan untuk aktiviti pelajar.

Secara keseluruhannya, setelah melalui fasa 5 tahun yang pertama yang penuh dengan cabaran dan rintangan, KUIM telah menunjukkan prestasi yang amat memberansangkan dalam tahun 2005. Dengan pertambahan fakulti dan program-program pengajian, KUIM semakin mampu untuk bersaing. Kita sedar untuk terus bersaing dalam arus pendidikan yang semakin berkembang, KUIM perlu mempunyai tenaga kerja yang berkualiti. Tenaga kerja yang berpengetahuan dan mempunyai kepakaran, berdisiplin, berintegriti dan menghayati nilai-nilai murni merupakan aset yang amat penting dalam sesebuah organisasi.

The classes were divided into several categories such as NSTP E-Media, LawNet, Index Islamicus, DBP Magazine Index, Information Search on the Internet and Information Search through other universities' OPAC.

KUIM has moved to its permanent campus in the middle of 2005. The move involved two phases. The first phase involved the Chancellery, The Registrar's Department and the Bursary. This was followed by the Development Unit, Security Unit, Student Affairs Department, the Library and the Academic Division.

The second phase involved the move of faculties and the Centre of Research and Conference Management. It was then followed by the Information Technology Unit, Centre for General Studies and INFAD. They are housed in the Faculty of Leadership and Management and the Faculty of Syariah and Law buildings.

The Hostel Administration was moved from Riviera II and III hostels at Pandan Indah to the Nilam Court Residential Colleges at Nilai Impian.

Along with the move, the Faculty of Science and Technology which rented office space at Poly-tech MARA College in Bangi moved to Nilai as well.

KUIM has signed a contract with WCT Properties Sdn Bhd to rent Tower B, Pandan Indah for housing the Faculty of Medicine and Health Sciences. Facilities which include the multi-purpose lab, anatomy lab, microbiology lab, computer lab and clinical lab were placed at levels 9-13. Meanwhile, the students were placed at the Chancellor Condominium Residential College, Taman Kosas Ampang. This residential college has complete facilities for student use.

In view of the first five challenging years since its establishment, KUIM has achieved good standing as it goes into the year 2005. The addition of new faculties and programmes has positioned KUIM competitively with other institutions of higher learning. At KUIM, we realize that to remain competitive in the dynamic world of education, KUIM needs to have qualified staff. It is crucial that the staff be knowledgeable, expert and disciplined. Also, their integrity and values are important assets to the organization.



Laporan Rektor

Ini kerana, seanggih mana pun teknologi dan peralatan yang digunakan, motivasi dan komitmen insan masih merupakan penentu utama sama ada perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti atau sebaliknya. Peranan dan tanggungjawab untuk memajukan KUIM harus dipikul dan dikongsi bersama semua warga KUIM.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya kepada kerajaan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti, kakitangan dan pelajar yang telah bersungguh-sungguh, komited dan penuh dedikasi dalam memainkan peranan masing-masing untuk memajukan KUIM.

Akhir kata, saya mengharapkan semua warga KUIM dapat terus bekerjasama dalam mencetuskan idea dan melaksanakan gerak kerja berkualiti demi untuk menjana kecemerlangan KUIM di masa hadapan sebagai sebuah Universiti yang mempunyai keunikannya tersendiri.

Commitment and self-motivation are among the most important criteria that ensure the quality of the services rendered. Also, the roles and responsibilities to develop KUIM must be shared by all in the KUIM community.

- iii- Halatuju dan Peranan Mahasiswa Dalam Dakwah, oleh YBhg. Prof. Zakaria Setapa, Dekan Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- iv- Golongan Muda Dari Perspektif Dakwah, oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), KUIM.
- v- Dakwah Bil Hal: Pendekatan Dan strategi, oleh Prof. Madya Dr. Ali Ya'kub Matondang, Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM.



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) Centre For Research And Seminars (PPPP)

Muzakarah Pakar

Muzakarah Pakar ini adalah bertemakan "Memantapkan Sistem Perbankan Islam Dan Takaful: Ke Arah Mencapai 20% Pelan Induk Kewangan Islam Menjelang 2010". Ia telah diadakan pada 22 hingga 23 September 2005, bersempena Minggu Perbankan Islam dan Takaful- (IBTW), bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Muzakarah ini adalah anjuran bersama Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), KUIM dan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), seramai 300 penyertaan telah hadir. Perasmian majlis telah dilakukan oleh Y.B Dato' Dr. Abdullah Md. Zin (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan upacara perasmian penutup telah disempurnakan oleh Y.B Dato' Mustapha Mohamed (Menteri Di Jabatan Perdana Menteri).

Selain menguruskan aktiviti persidangan, pihak PPPP juga telah menganjurkan satu **Bengkel Pembentangan Laporan Selepas Menghadiri Persidangan Oleh Kakitangan Akademik KUIM Bagi Tahun 2004** pada 8 Jun 2005, selama sehari. Bengkel ini telah memberi peluang kepada kakitangan akademik untuk membentangkan semula kertas kerja yang telah dibentangkan di seminar-seminar yang telah dihadiri mereka pada tahun 2004. Ia meliputi seminar di dalam dan luar negara. Sasaran seramai 50 orang peserta telah dicapai dengan perasmian majlis telah dilakukan oleh Y.B. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah (Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan) pada ketika itu yang turut memegang portfolio penyelidikan dan persidangan universiti. Manakala upacara perasmian penutup telah disempurnakan oleh Y.B. Prof. Madya Dr. Ahmed Mahir Mokhtar Bakri (Pemangku Pengarah PPPP).

Kakitangan Akademik Yang Membentangkan Kertas Kerja

Pada tahun 2005, seperti tahun-tahun yang sebelumnya, KUIM telah menghantar kakitangan akademiknya untuk membentang dan menghadiri persidangan sama ada di dalam atau di luar negara. Seramai 69 orang kakitangan akademik yang hadir sebagai peserta dan seramai 60 orang pula telah hadir sebagai pembentang kertas kerja di dalam negara dari pelbagai fakulti. Manakala bagi pembentangan kertas kerja di luar negara dilaporkan sebagaimana dalam Jadual 5.

Experts' Muzakarah

The theme for this discussion is "Memantapkan Sistem Perbankan Islam Dan Takaful: Ke Arah Mencapai 20% Pelan Induk Kewangan Islam Menjelang 2010" (Enhancing the Islamic Banking and Takaful System: Towards Achieving 20% Islamic Financial Master Plan by 2010). It was held from the 22nd to the 23rd of September 2005 in conjunction with the Islamic Banking and Takaful Week, at the Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur. This muzakarah was jointly organized by KUIM's Faculty of Economics and Muamalat, KUIM, and the Malaysian Institute of Islamic Banking (AIBIM). A total of 300 participants had participated in this muzakarah. The closing was done by Y B Dao Dr Abduallh Md Zin, Minister at the Prime Minister's Department.

Other than managing the convention's activities, KUIM's PPPP also had organized a one day Workshop on Post Convention/ Seminar Report Presentation by KUIM's Academic Staff for the year 2004 (Bengkel Pembentangan Laporan Selepas Menghadiri Persidangan Oleh Kakitangan Akademik KUIM Bagi Tahun 2004) on 8th of June 2005. This workshop had given participants to academic staff to re-present the papers that they had presented in the seminars for the year 2004. It included local and international seminars. A total of 50 participants were present and the opening was done by Y B Professor Dato' Dr Mohamad Asin Dollah, KUIM's Deputy Rector (Academic and Internationalization) who also holds the portfolio of research, and the closing was done by Y B Associate Professor Dr Ahmed Mahir Mokhtar Bakri, Acting Director for PPPP.

Academic Staff who presented papers

For the year 2005, just like previous years, KUIM had sent its academic staff to attend and present papers locally and abroad. A total of 69 academic staff had attended local seminars and another 60 had presented their papers. The presentation at international seminars is shown in Table 5 below:



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) Centre For Research And Seminars (PPPP)

Jadual : Pembentang Kertas Kerja di Luar Negara

Table: Presentation done abroad

BIL.	NAMA PESERTA	FAKULTI /UNIT	TAJUK PERSIDANGAN	TAJUK KERTAS KERJA	TARIKH	TEMPAT
NO.	PARTICIPANT'S NAME	FACULTY /UNIT	NAME OF SEMINAR/ CONVENTION	RESEARCH TITLE	DATE	PLACE
1.	Pn. Dina Imam Supaat	FSU	The 4th World Congress On Family Law And Children's Rights	Child Victims of Sexual Abuse in Malaysia: The Right and the Need for A Holistic Rehabilitation Programme and Strategies to Combat the Abuse	20-23 Mac 2005	Cape Town International Convention Centre, Afrika Selatan
2.	Pn. Nursilah Ahmad	FEM	International Conference On Theoretical Advances In Tourism Economic: "The Economic Impact Of Tourism"	Effects of Tourist Expenditure Patterns on the Malaysian Economy	17-19 Mac 2005	University Of Evora, Portugal
3.	Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail	FPSK	Islamic Symposium Of Imamukeire 2005	i). To Know KUIM & FPSK ii). Medical Post-graduate Training	11-13 Mac 2005 11-13 Mac 2005 in Malaysia	University Of Manchester, United Kingdom
4.	En. Amir Shahruddin	FEM	Accounting, Commerce and Finance: The Islamic, Perspective, International Conference VI	Malaysia Islamic Unit Trust: Prospects and Challenges	29-31 Mac 2005	University Of Trisakti, Jakarta, Indonesia



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) Centre For Research And Seminars (PPPP)

5.	Pn. Yasmin Hanani	FSU	Science And Religion: Global Perspectives	Islam and Biotechnology	4-8 Jun 2005	University Of Pennsylvania United States Of America
6.	En. Muhamad Nizam Awang @ Ali	FSU	3rd Interdisciplinary Conference On Communication, Medicine And Ethics	Handling Public Against Doctors: The Case of Malaysia	30 Jun -2 Jul	University Of Sydney, Australia
7.	Pn. Hanim Misbah	FEM	Financial Markets Asia Pacific Conference 2005	Customers Switching Barriers Determinants in Retail Banking Services: Malaysian Case	26-27 Mei 2005	Western Sydney University, Australia
8.	Prof. Dr. Muhamad Muda	FEM	Managemen Usaha Kecil Menengah (UKM): Melalui Koperasi Dan Lembaga Kewangan Mikro Syariah	Tinjauan Terhadap Peranan Sistem Kewangan Islam Terhadap Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia	25 Mei 2005	Universiti Islam Negeri (UIN), Jakarta
9.	Pn. Najwa Hayaati	PPU	The Twelfth International Conference Design For Learning	Blended E-Learning for Islamic Studies at Institutions of Higher Learning in Malaysia	11-14 Jul 2005	University Of Granada, Sepanyol
10.	Abdul Halim Mohd Hussin	FKP	12th International Conference On Thinking	Bibliotherapy: An Alternative Approach to Helping Process	4-8 Jul 2005	University Of Melbourne, Australia
11.	En. Muhamad Nizam Awang @ Ali	FSU	First UNESCO Bangkok Bioethics Roundtable (BBRTI)	Consulting the Public in the Setting of Bioethics: Regulatory Framework and Policy in Malaysia	11-15 Sept. 2005	United Nation On Economics, Social Sciences Organization, Bangkok





Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP) Centre For Research And Seminars (PPPP)

12.	Pn. Nor Aini Abdul Rahman	FPBU	Business English In The 21st Century	"Characteristics of an Effective Sales Presentation: Perspective from Two Discourse Communities"	16-18 Sept. 2005	Seameo Regional Language Centre, Singapura
13.	Pn. Asma Abdul Rahman	FPBU	Seminar Pendidikan Antarabangsa Ke-2		28 Sept. 1 Okt. 2005	Persatuan Universiti Negara Islam dan Negara-Negara Arab Bersatu, Beirut
14.	Pn. Zurina Kefli @ Zulkefli	FEM	2nd International Business Research Conference	Factors Influencing Graduate Employability: The Case of Islamic Studies Graduates in Selected Public Universities	5-8 Dis. 2005	University Of Technology Sydney, Australia

- FEM : Fakulti Ekonomi dan Muamalat
- FSU : Fakulti Syariah dan Undang-undang
- FPSK : Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- FPBU : Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- FKP : Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- PPU : Pusat Pengajian Umum

- FEM : Faculty of Economics and Muamalat (Fakulti Ekonomi dan Muamalat)
- FSU : Faculty of Syariah and Law (Fakulti Syariah dan Undang-undang)
- FPSK : Faculty of Medicine and Health Sciences (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan)
- FPBU : Faculty of Major Language Studies (Fakulti Pengajian Bahasa Utama)
- FKP : Faculty of Leadership and Management (Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan)
- PPU : Liberal Studies Centre (Pusat Pengajian Umum)





Institut Pengurusan Dan
Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

World Fatwa Management Research Institute

Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Perpindahan ke Kampus Tetap

INFAD telah berpindah ke kampus tetap KUIM pada 25 dan 26 Ogos 2005 lalu ke penempatan terbarunya di Aras 1, Bangunan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM, Nilai, Negeri Sembilan.

Perlantikan

Pada tahun 2005, terdapat perlantikan pertama/ perlantikan semula Pemangku Pengarah dan Penyelaras Bahagian INFAD iaitu seperti berikut:-

Relocation To Permanent Campus

Infad has been relocated to kuim's permanent campus on the 25 and 26th of august 2005 at level 1, faculty of syariah and law, nilai, negeri sembilan.

Appointments

In the year of 2005, new appointments are made for the position of director (acting) and the coordinator of research division of infad. the re-appointment positions involved the position of acting director and coordinator of respective divisions found in infad, which include:-

Nama/Jawatan Semula Name/ Position	Tempoh Perlantikan Duration	Perlantikan Pertama/ Perlantikan New Appointment/ Re-Appointment
Y.Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa Pemangku Pengarah <i>Acting Director</i>	1 Mac 2005 - 28 Februari 2006 <i>1 March 2005 - 28 February 2006</i>	Perlantikan Semula <i>Re-Appointment</i>
Dr. Adel M. Abdulaziz Timbalan Pengarah <i>Deputy Director</i>	1 Ogos 2005 - 31 Julai 2006 <i>1 August 2005 - 31 July 2006</i>	Perlantikan Semula <i>Re-Appointment</i>
Merangkap Penyelaras Bahagian Penyelidikan <i>Cum Coordinator Of The Research Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Semula <i>Re-Appointment</i>
Prof. Madya Dr. H. Ali Ya'kub Matondang Penyelaras Bahagian Perundingan dan Khidmat Kepakaran <i>Coordinator Of The Consultation And Expertise Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Semula <i>Re-Appointment</i>
Dr. Muhammad Yusuf Khalid Penyelaras Bahagian Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa <i>Coordinator Of The International Network And Communication Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Pertama <i>First Appointment</i>



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

Pn. Haliza Harun Penyelaras Bahagian Penerbitan <i>Coordinator Of The Publication Division</i>	13 Jun 2005 - 12 Jun 2007 <i>13 June 2005 - 12 June 2007</i>	Perlantikan Pertama <i>First Appointment</i>
En. Abdullah Ab. Jalil Penyelaras Bahagian Seminar dan Wacana <i>Coordinator Of The Seminars And Intellectual Discourse Division</i>	13 Jun 2005 - 12 Jun 2007 <i>13 June 2005 - 12 June 2007</i>	Perlantikan Pertama <i>First Appointment</i>
En. Md. Yunus Abdul Aziz Penyelaras Bahagian Sumber dan Dokumentasi <i>Coordinator Of Documentation And Resource Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Semula <i>First Appointment</i>
Pn. Najwa Hayaati Hj. Mohd Alwi Penyelaras Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa <i>Coordinator Of Fatwa Management System And Ict Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Semula <i>Re-Appointment</i>
En. Irwan Mohd. Subri Penyelaras Bahagian Pembangunan Ijtihad <i>Coordinator Of Ijtihad Development Division</i>	1 April 2005 - 31 Mac 2007 <i>1 April 2005 - 31 March 2007</i>	Perlantikan Pertama <i>First Appointment</i>

Walau bagaimanapun, Prof. Madya Dr. H. Ali Ya'kub Matondang telah meletakkan jawatan berkuatkuasa 31 Disember 2005 kerana dilantik sebagai Rektor Universiti Medan Area di Medan, Sumatera Utara. Manakala, En. Irwan Mohd. Subri telah melepaskan jawatannya kerana telah melanjutkan pelajaran ke Peringkat Doktor Falsafah di Universiti Damsyik, Syria berkuatkuasa mulai 15 Disember 2005.

Seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) juga telah ditempatkan mulai 7 Jun 2005 bagi memudahkan urusan pentadbiran INFAD.

However, upon the appointment as the rector of medan area university in medan, north of sumatera, indonesia, the resignation of assoc. prof. dr. h. ali ya'kub matondang from his respective post took effect on the 31 disember 2005. in addition, mr. irwan mohd. subri also resigned from his respective position subsequent to his acceptance to continue his studies at the phd level at the university of damascus, syria on the 15th of december 2005.

An assistant administrator (clerical and operation) has also been appointed effective 7th june 2005 to perform administration work in infad.



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

Aktiviti Yang Telah Dijalankan

Penyelidikan

Penyelidikan-penyelidikan dibawah INFAD yang telah selesai dilaksanakan pada tahun 2005 adalah penyelidikan yang bertajuk:-

- a) 'The Usage of ICT in Fatwa Management in Malaysia'
Oleh: Pn. Najwa Hayaati Hj Mohd Alwi dan
Cik Nurdiana Azizan
- b) Pengurusan Fatwa di Singapura Oleh: En. Khairul Anuar
Mohamad, En. Azman Ab. Rahman dan Dr. Adel M.
Abdul Aziz
- c) Pengurusan Fatwa di Indonesia
Oleh: Dr. Muhammad Yusuf Khalid, Prof. Madya Dr.
H. Ali Ya'kub Matondang dan En.Md. Yunus Abd. Aziz
Disamping itu, terdapat sebanyak 4 buah lagi projek
penyelidikan lain yang telah diluluskan oleh
Jawatankuasa Penyelidikan Universiti, dan telah mula
dijalankan. Kesemua projek penyelidikan dilakukan
oleh Felo INFAD dan para pensyarah KUIM. Tajuk-tajuk
penyelidikan adalah seperti berikut:
 - a) Pengurusan Fatwa di Malaysia
 - b) Pengurusan Fatwa di Brunei Darussalam
 - c) Pengurusan Fatwa di Kemboja
 - d) 'The Role of Fatwa in the Islamic Banking and
Financial Institutions in Malaysia'

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan INFAD telah diadakan pada 2 Disember 2005 bertempat di Bilik Mesyuarat Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, KUIM bagi mengetahui status terkini, perkembangan dan penambahbaikan penyelidikan-penyelidikan yang sedang dijalankan.

Perundingan Dan Khidmat Kepakaran

Mesyuarat Penyediaan Kertas Cadangan Modul Latihan Pengurusan Fatwa telah diadakan sebanyak enam (6) kali pada tahun 2005 yang bertujuan untuk memantapkan modul tersebut. Buat masa ini, modul tersebut dalam fasa yang terakhir sebelum dibengkelkan bagi mendapat pandangan mufti, pegawai, ahli akademik serta agensi/orang perseorangan yang berkaitan sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2006 nanti. Pandangan tersebut adalah amat penting bagi INFAD supaya dapat melaksanakan latihan tersebut secara tersusun dan efektif.

Activities Organised

Research Division

Among the research carried out and successfully completed in the year 2005 in infad include:-

- a) The usage of ICT in fatwa Management in Malaysia
by: Najwa Hayaati Hj Mohd Alwi and Nurdiana Azizan
- b) Fatwa Management in Singapore
by: Khairul Anuar Mohamad, Azman Ab. Rahman and Dr. Adel M. AbdulAziz
- c) Fatwa Management in Indonesia
by: Dr. Muhammad Yusuf Khalid, Assoc. Prof. Dr. H. Ali Ya'kub Matondang and Md. Yunus Abd. Aziz
in addition, 4 other research projects have been approved by the committee of research at the university level and will be carried out by the appointed fellow researchers of infad as well as the lecturers of kuim. Among the topics covered include:
 - a) Fatwa Management in Malaysia
 - b) Fatwa Management in Brunei Darussalam
 - c) Fatwa Management in Cambodia
 - d) The Role of fatwa in the Islamic Banking and Financial Institutions in Malaysia

The committee of the research division of INFAD has also identified some of the needs for improvement and enhancement of the current status and progress of the research performed during a progress meeting that took place on the last 2nd of December 2005 at the dean's meeting room of the faculty of syariah and law of kuim.

Consultation And Expertise Service

In order to upgrade and enhanced the proposed module, a meeting on the preparation of the proposal for the training module of the management of fatwa had been held for six consecutive times in the year of 2005. currently, the module is in its final phase prior to the collection of reviews that will be obtained from the muftis, relevant officers of the fatwa office, academicians as well as related individuals. as the module is hoped to be executed by the year 2006, it is pertinent that such reviews are obtained in ensuring the successful and effective implementation of the training module by infad.



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

Perhubungan Dan Rangkaian Antarabangsa

KUIM telah mengadakan lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam daripada 9 hingga 12 Julai 2005 iaitu bertempat di Universiti Brunei Darussalam, Pejabat Menteri Hal Ehwal Agama Brunei dan Pejabat Mufti Kerajaan Brunei. Rombongan KUIM terdiri daripada Rektor, Pemangku Pengarah INFAD, Pendaftar, Bendahari dan dua orang Penolong Pendaftar. Objektif lawatan kerja ini adalah untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUIM dengan Universiti Brunei Darussalam, kunjungan dan perbincangan dengan Mufti Kerajaan Brunei mengenai INFAD dan kunjungan dan perbincangan dengan Menteri Hal Ehwal Agama Brunei. Peluang ini telah digunakan sepenuhnya bagi memantapkan lagi rangkaian antarabangsa dan memenuhi objektif penubuhan INFAD. Majlis Perjumpaan Bersama Dengan Rabitah Al-alam Al-Islami (Muslim World League) telah diadakan dengan pada 17 Februari 2005 lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, KUIM. Rabitah Al-alam Al-Islami yang ditubuhkan pada 1381 H/ 1963 M merupakan organisasi antarabangsa bukan kerajaan yang mewakili umat Islam seluruh dunia dan cawangannya terletak di serata dunia termasuk di Malaysia. Rombongan daripada Rabitah Al-alam Al-Islami pada hari tersebut terdiri daripada En. Saeed N. Al Hazmi, Pengarah, En. Syed Hamid Almahdzar, Pegawai Perhubungan Awam dan En. Qassem Ahmad, Pegawai Kewangan. Majlis perjumpaan ini adalah bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan bagi faedah bersama disamping dapatmerangka hubungan erat diantara kedua-dua pihak.

Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang dianjurkan bersama oleh INFAD dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 16-17 Ogos 2005 lalu telah menjadi satu landasan kepada INFAD untuk mengukuhkan perhubungan dan rangkaian antarabangsanya. Pengukuhan hubungan tersebut terjalin melalui peserta dan pembentang luar negara yang menghadiri seminar tersebut. Disamping rancangan kerjasama diperingkat antarabangsa, INFAD telah menyusun jadual untuk membuat lawatan ke setiap Jabatan Mufti Negeri di Malaysia bagi menjalinkan hubungan dua hala yang lebih erat antara INFAD dan Jabatan Mufti. Dalam rangka lawatan pada tahun 2005, INFAD telah mengadakan sesi lawatan dengan membuat kunjungan ke:

- Jabatan Mufti Negeri Perak, pada 12 Januari 2005.
- Jabatan Mufti Negeri Melaka, pada 26 Februari 2005.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor, pada 14 Julai 2005.

International Network And Communication Division

Kuim has successfully carried out a working visit to Brunei Darussalam on the last 9th - 12th of July 2005. The places visited included the university of Brunei Darussalam, the office of the ministry of religious affairs of Brunei and the office of the mufti of Brunei. The delegates from kuim comprised the rector of kuim, acting director of infad, the registrar of kuim, the bursar and two assistant registrars of kuim. Among the aims of the visit was to sign a memorandum of understanding (MoU) between kuim and the University Of Brunei Darussalam. This also includes the aim of the sharing of ideas and identifying prospective collaborations in relation to the establishment of infad with the ministry of religious affairs of "to have strengthened infad's reputation at the international level in its aspiration to become the leading centre of research and reference on fatwa. In addition, a meeting held with the muslim world league (Rabitah Al-Alam Al-Islami) on the last 17th February 2005 at the faculty meeting room level 13, kuim, had also provided infad with the opportunity to strengthen its position at the international level as well as to identify future collaboration regarding the issues of fatwa. Established in 1381 h/ 1963 m, the muslim world league (Rabitah Al-Alam Al-Islami) is a renowned international non-governmental organization that represents muslims around the world. It also has offices all over the world including malaysian. The entourage from the muslim world league (Rabitah Al-Alam Al-Islami) included Mr. Saeed N. Al Hazmi, the director of the muslim world league, Mr. Syed Hamid Almahdzar, public relations officer, and Mr. Qassem Ahmad, finance officer. The main objectives of the meeting were to exchange views as well as to establish a closer relationship between both parties.

The Asean regional seminar on fatwa management, a collaborative effort between infad and the federal territory Islamic Council (MAIWP) was held on the last 16th-17th of August 2005 to provide a platform for infad in its effort to establish its international networks and relations in the field of fatwa management. The seminar had also boosted infad's position at the international level as it had provided an opportunity for the strengthening of the relationship among the participants and the local and foreign presenters who are the key players in the area of fatwa. The renowned presenters include those from Syria, Libya and other Asean countries. A 'Conference Dinner' was also held in conjunction with the success of the seminar on the 16th of August 2005 at Nikko Hotel Kuala Lumpur, the official conference venue.



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

Manakala, pada 6-7 Disember 2005, INFAD telah mengadakan sesi lawatan ke Jabatan-Jabatan Mufti Negeri Utara Semenanjung Malaysia iaitu:

- d) Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, pada 6 Disember 2005.
- e) Jabatan Mufti Negeri Kedah, pada 7 Disember 2005.
- f) Jabatan Mufti Negeri Perlis, pada 7 Disember 2005.

INFAD juga kini sedang giat merancang rangka lawatan ke luar negara terutamanya di negara-negara ASEAN supaya dapat mengukuhkan perhubungan dan rangkaian antarabangsa.

Penerbitan

Pada tahun 2005, INFAD telah berjaya menerbitkan dua (2) siri Buletin INFAD iaitu pada akhir Januari 2005 dan pada bulan Ogos 2005. Terbitan Buletin INFAD pada bulan Ogos 2005 adalah terbitan sempena Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN. Sempena Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN lalu, INFAD juga sedang giat menerbitkan prosiding seminar tersebut sebagai edaran dan koleksi terbitan bahan ilmiah INFAD.

INFAD juga sedang dalam proses untuk menerbitkan Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa yang meliputi pelbagai aspek yang berkaitan Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa yang bertaraf antarabangsa. Objektif utama penerbitannya ialah untuk mewujudkan saluran maklumat dan penyelidikan untuk penerbitan asli artikel, hasil penyelidikan, kajian kes, analisa fatwa dan ulasan buku berkaitan fatwa yang berdasarkan kepada kajian dan pemikiran asal pengarang yang berkaitan dengannya. Jurnal ini menyediakan forum antarabangsa untuk membincangkan idea dan pengalaman yang berkaitan dengan pembangunan dan aplikasi Fatwa di seluruh dunia. Buat masa ini, INFAD masih menunggu beberapa laporan penilaian daripada Pewaris Luar sebelum Jurnal tersebut diterbitkan.

- a) the office of the mufti of Perak, 12th January 2005.
- b) the office of the mufti of Malacca, 26th February 2005.
- c) the office of the mufti of Selangor, 14 July 2005.

a working visit to the mufti offices in the northern region of malaysia was also made on the 6th-7th of december 2005, which included:

- d) the office of the mufti of Pulau Pinang, 6th december 2005.
- e) the office of the mufti of Kedah, 7th december 2005.
- f) the office of the mufti of Perlis, 7 december 2005.

Currently, INFAD is rigorously planning a working trip at the international level especially to the mufti offices of the asean region in its effort to identify and strengthen future collaboration in the institution of FATWA.

Publication Division

In the year 2005, infad had successfully published two series of "bulletin Infad", with its first issue of the year published at the end of january 2005 and followed the august 2005 issue. the latter issue is the special edition issue that was published to coincide with the asean regional seminar on fatwa management held during that time. Subsequently, with the success of the asean regional seminar on fatwa management also, infad is currently in the progress of publishing the seminar proceedings in its effort to produce and disseminate academic refereed collections of infad.

INFAD is also in the process of publishing its own 'Journal Of Management and Research of FATWA' which will cover various aspects of fatwa management and fatwa research topics of international standard. The primary objectives of the journal publication is to provide a means to channel relevant information as well as research areas through original academic research based articles, research notes, theoretical review papers, case studies, analyses of fatwa and book reviews in relation to the issue of fatwa. This journal also aims to provide an international forum for intellectual discussions and exchange of ideas, expertise and experience regarding the development, implementation and application of fatwa throughout the world. At present, infad is at the final stage of obtaining feedbacks from external referees involved prior to the publication of the journal.





Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

Seminar Dan Wacana

INFAD dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang bertindak sebagai penganjur bersama telah menganjurkan Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN pada 16-17 Ogos 2005 lalu bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur, Malaysia. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Dipertua Dewan Rakyat, manakala Majlis Perasmian Penutup Seminar ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Seminar ini telah dihadiri oleh pembentang daripada dalam dan luar negara diantaranya Prof. Dr. Mohamad Said Ramadan Al-Buti, Prof. Dr. Assadeq Abdurrahman Al-Gariani, SS Dato' As-Sheikh Haji Nooh Gadot dan ramai pembentang lain.

Majlis Perasmian dan Muzakarah Fatwa Siri 1/2005 telah diadakan pada 29 Januari 2005 lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, KUIM. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Rektor KUIM sempena Siri Muzakarah Fatwa yang dirancang untuk diadakan sebanyak empat kali setahun. Sejurus selepas majlis perasmian tersebut, Muzakarah Fatwa Siri 1/2005 yang bertajuk "Kubur Bertingkat -Perpektif Malaysia" telah disampaikan oleh En. Md. Yunus Abd. Aziz, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang merangkap Penyelaras Sumber & Dokumentasi INFAD.

Siri Muzakarah Fatwa 2/2005 bertajuk "Pengurusan Mayat Di Waktu Tragedi" telah diadakan pada 25 Jun 2005 lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, KUIM. Pembentangan telah disampaikan oleh En. Irwan Mohd Subri, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang merangkap Penyelaras Bahagian Pembangunan Ijtihad INFAD serta En. Abdul Manan Ismail, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Sumber Dan Dokumentasi

INFAD sedang menjalankan usaha mengumpul dan mengklasifikasikan semua fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia. Setakat ini pihak INFAD telah pun menerima hampir keseluruhan kumpulan fatwa dari beberapa negeri di Malaysia dengan mendapat kerjasama yang baik daripada para Mufti dan Jabatan-jabatan Mufti dari seluruh negara. Diantara fatwa-fatwa yang diperolehi adalah :-

Seminars & Intellectual Discourse

The ASEAN regional seminar on fatwa management, a joint effort between infad and the federal territory islamic council (maiwp), was held on the last 16-17 august 2005 at the Nikko Hotel Kuala Lumpur, Malaysia. The opening ceremony was officiated by YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, speaker of the house of representatives, Malaysia, while the closing ceremony was officiated by YB Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, minister in the prime minister's department. Among the renowned scholars in the field of FATWA were Prof. Dr. Mohamad said Ramadan Al-Buti, Prof. Dr. Assadeq Abdurrahman Al-Gariani, and ss dato' As-Sheikh Haji Nooh Gadot. More than 100 local and foreign participants were involved in the seminar. Among the sub-themes of the seminar include the dynamics of fatwa, fatwa and society, fatwa in asean countries, FATWA and globalisation and the upgrading of the institution of FATWA.

In addition, the opening ceremony of the FATWA discourse series 1/2005 that was held on the last 29th of january 2005 at the faculty meeting room, level 13, kuim, was officiated by Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, the rector of kuim. The FATWA discourse series, a quarterly planned event organized by INFAD, had invited Mr. Md. Yunus Abd. Aziz, a lecturer from the faculty of syariah and law who is also the coordinator of the documentation and resource division of infad to present his paper on the issue of "Kubur Bertingkat - perspektif Malaysia". In addition, the fatwa discourse series 2/2005, entitled "the pre-burial rites of tragedy victims' were scheduled on the 25th june 2005 at the faculty meeting room, level 13, kuim. the presenters involved in this series were Mr. Irwan Mohd Subri, a lecturer from the Faculty Of Syariah and Law, cum the former coordinator of the ijithad development division of infad along with Mr. Abdul Manan Ismail, a lecturer from the Faculty Of Syariah and Law.

Documentation And Resource Division

Infad is currently putting all its efforts into collecting, gathering and classifying the fatwas that have been announced in malaysia. at present, with a joint collaboration with renowned local individual mufti and the mufti offices in malaysia, infad has received nearly three quarters of the total number of fatwas accumulated and collected from the different states in this country. among the collection of fatwa successfully obtained include:



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

- a) Himpunan Fatwa Negeri Perlis, Jilid 1
- b) Fatwa-Fatwa Yang Telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang (1961-1989), Jilid 1
- c) Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Ugama Islam Negeri Kedah, Jilid I
- d) Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Ugama Islam Negeri Kedah, Jilid II
- e) Fatwa Negeri Perak (1994-2004)
- f) Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1991-1997)
- g) Himpunan Agama, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor sepanjang Abad Dua Puluh
- h) Himpunan Fatwa Warta Kerajaan Negeri Melaka (1985-2003) dan surat No. rujukan PMM/0020/JLD5(27) daripada Jabatan Mufti Negeri Melaka
- i) Koleksi Fatwa Negeri Sarawak melalui surat No. rujukan MNS/172(7) bertarikh 12 Mac 2005-05
- j) Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor Yang Difatwakan Oleh:- Allahyarham Dato' Said Alwa bin Tahir Al-Hadad, Mufti Kerajaan Johor, Jilid I
- k) Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor Yang Difatwakan Oleh:- Allahyarham Dato' Said Alwa bin Tahir Al-Hadad, Mufti Kerajaan Johor, Jilid II
- l) Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (1988-1998)
- m) Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu (1953-1970)
- n) Himpunan Fatwa Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
- o) Majlis Fatwa Kebangsaan
- a) 'Himpunan FATWA negeri Perlis, jilid 1'
- b) 'Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang (1961-1989), jilid 1'
- c) 'Himpunan Fatwa negeri Kedah Darulaman, Jabatan Ugama Islam negeri Kedah, jilid i'
- d) 'Himpunan Fatwa negeri Kedah Darulaman, jabatan Ugama Islam negeri Kedah, jilid ii'
- e) 'Fatwa Negeri Perak (1994-2004)'
- f) 'Fatwa Warta Kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan (1991-1997)'
- g) 'Himpunan agama, amalan dan fahaman yang telah difatwa dan diwartakan menyeleweng dan sesat dalam negeri selangor sepanjang abad dua puluh'
- h) 'Himpunan Fatwa warta kerajaan negeri Melaka (1985-2003) dan surat no. rujukan pmm/0020/jld5(27) daripada Jabatan Mufti Negeri Melaka'
- i) 'koleksi fatwa negeri Sarawak melalui surat no. rujukan mns/172(7) bertarikh 12 mac 2005'
- j) 'Fatwa-fatwa mufti kerajaan Johor yang difatwakan oleh Allahyarham Dato' Said Alwa Bin Tahir Al-Hadad, mufti kerajaan Johor, jilid i'
- k) 'Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Allahyarham Dato' Said Alwa Bin Tahir Al-Hadad, mufti kerajaan Johor, jilid ii'
- l) 'Fatwa majlis agama islam dan adat resam melayu Pahang (1988-1998)'
- m) 'Fatwa mufti kerajaan Terengganu (1953-1970)'
- n) 'Himpunan fatwa negeri Terengganu, majlis agama islam dan adat melayu Terengganu'
- o) 'Majlis Fatwa Kebangsaan'

INFAD juga sedang menambahkan koleksi fatwanya dengan mendapatkannya daripada negara-negara ASEAN dan akan diperluaskan ke seluruh dunia. Diantara koleksi-koleksi fatwa yang diperolehi daripada negara-negara ASEAN adalah :-

- a) Al-Fatawal Fathaniyah, Jilid 1, Pemahaman Islam dari Pelbagai Aspek: Bahasa, Sains dan Teknologi.
- b) Al-Fatawal Fathaniyah, Jilid 2, Pemahaman Islam dari Pelbagai Aspek: Bahasa, Sosiologi, Politik dll.

Infad has also upgraded and updated its collection of fatwa from asean countries as well as that of the whole world. among the series of fatwa collections that have been obtained by infad include:

- a) 'Al-Fatawal Fathaniyah, jilid 1, Pemahaman Islam dari pelbagai aspek: Bahasa, Sains dan Teknologi'
- b) 'Al-Fatawal Fathaniyah, jilid 2, Pemahaman Islam dari pelbagai aspek: Bahasa, Sosiologi, Politik dll'



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

- c) Al-Fatawal Fathaniyah, Jilid 3, Membicara Shufi, Hadits, Fiqh Perbandingan Antara Dunia Nyata & Ghaib.
- d) Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia.
- e) Masalah Keagamaan, Nahdlatul Ulama.
- f) Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, Islam dan Muzik
- g) Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, Amalan, Rawatan dan Kesihatan (1962-2001)
- h) Fatwa Mufti Kerajaan Brunei (1996-2001)

Bahagian ini juga sedang aktif mengumpulkan maklumat berhubung biodata, sejarah dan susur galur Mufti bagi setiap negeri di Malaysia dan negara-negara ASEAN dengan dibantu oleh pihak pentadbiran INFAD untuk dikemaskinikan dalam satu sistem yang lengkap. Sehingga kini, maklumat yang diterima adalah daripada semua negeri di Malaysia kecuali Sabah, manakala daripada negara-negara ASEAN hanya Brunei Darussalam. Semua maklumat yang diterima adalah yang terdapat dalam koleksi Jabatan Mufti masing-masing. Manakala, bagi Jabatan Mufti yang masih belum memberi maklumat lengkap sedang berusaha untuk mengesas maklumat Mufti-Mufti Negeri atau Negara yang terdahulu bagi faedah bersama.

Dalam usaha untuk menambahkan koleksi fatwa dan susur galur Mufti daripada dalam dan luar negara, bahagian ini telah menyusun strategi dengan mendapatkan melalui permohonan secara berterusan dan pembelian sebanyak dua kali setahun.

ICT & Sistem Pengurusan Fatwa

"Fatwa Management System" (FMS) atau Sistem Pengurusan Fatwa telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Dipertua Dewan Rakyat sempena Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang diadakan pada 16-17 Ogos 2005 lalu bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Sistem ini akan ditambahbaik daripada semasa ke semasa selaras dengan hasrat INFAD untuk menjadi pusat rujukan maklumat berkaitan fatwa seluruh dunia. INFAD juga telah mengupah pelajar-pelajar KUIM bagi mengimbas, mengedit dan memuatnaik bahan-bahan ilmiah berkaitan fatwa ke FMS supaya jumlahnya dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sesi pengupahan pelajar-pelajar tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Sesi pertama, 11 April 2005 hingga 14 Mei 2005
- b) Sesi kedua, 9 hingga 30 Jun 2005

- c) 'Al-fatawal Fathaniyah, jilid 3, membicara shufi, hadits, fiqh perbandingan antara dunia nyata & ghaib'
- d) 'Himpunan Fatwa majelis Ulama Indonesia'
- e) 'Masalah Keagamaan, Nahdlatul Ulama'
- f) 'Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, islam dan muzik'
- g) 'Fatwa Mufti Kerajaan Brunei, amalan, rawatan dan kesihatan (1962-2001)'
- h) 'Fatwa Mufti Kerajaan Brunei (1996-2001)'

This division is also actively collecting information regarding the biography, history as well as origins of mufti not only from the respective states found in malaysian, but also that of the asean countries. Currently, with the assistance of the administrative staff of infad, the division is updating the information systematically. subsequently, infad has been able to obtain information regarding fatwa from all the states in malaysian except that of sabah. In addition, the collection of fatwa has been also successfully obtained from the asean countries except that of brunei darulsalam. The collections obtained are those found in the mufti offices throughout the local region. Other collaborative efforts taken by infad and the mufti offices include identifying the background information and Biography of the former mufti found in each respective state. it is hoped that such effort will benefit many.

Infad has also taken a step further by upgrading its collection of fatwa and the background of the various mufti locally and internationally. Among the steps implemented in the process of obtaining the relevant sources is through the process of continuous procurement and purchasing of relevant materials and references made twice a year.

Fatwa Management System And Ict Division

Fatwa management system(fms) was officiated by YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, speaker of the house of representatives, malaysia during the asean regional seminar that was held on the last 16th-17th august 2005 at the Nikko Hotel Kuala Lumpur. To improve the system, it has been continuously upgraded by the division in its effort to establish infad as the primary resource of information regarding the issue of fatwa announced locally and internationally.

As such, INFAD has also taken the effort to hire the students of kuim from time to time in its process of scanning, editing and uploading relevant fatwa related materials into fms to upgrade its collection of fatwas. The hiring of students for this process involved several phases, which are stated as below :-



Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) World Fatwa Management Research Institute

- c) Sesi ketiga, 25 Julai hingga 19 Ogos 2005
- d) Sesi keempat, 5 hingga 23 Disember 2005

Sebelum dimuatnaik, bahan-bahan ilmiah berkaitan fatwa tersebut akan disemak dan diklasifikasi oleh Jawatankuasa Kandungan, AJK FMS dan Pentadbiran INFAD. Sehingga kini, sebanyak lebih daripada 2,800 bahan ilmiah berkaitan fatwa telah dimuatnaik ke FMS yang merangkumi fatwa-fatwa daripada Jabatan-Jabatan Mufti Negeri Malaysia, Indonesia, Brunei dan Pattani.

Pembangunan Ijtihad

Bahagian Pembangunan Ijtihad telah dirasmikan penubuhannya oleh YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, Yang Dipertua Dewan Rakyat sempena Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat ASEAN yang diadakan pada 16-17 Ogos 2005 lalu bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Matlamat penubuhannya adalah :-

- a) Untuk merealisasikan hasrat KUIM dan INFAD bagi menghidup, menggalak dan menyuburkan tradisi keilmuan Islam bagi menyumbang ke arah keutuhan ummah.
- b) Membantu negara ke arah memperkenalkan Malaysia sebagai negara contoh dalam sumbangannya terhadap pembangunan dan kesatuan ummah.
- c) Menjadikan Ijtihad sebagai mekanisma positif dan membina ke arah penyelesaian berbagai-bagai isu dan masalah yang dihadapi oleh umat Islam.

Majlis Ramah Mesra Bersama Pemangku Pengarah

Majlis Ramah Mesra Bersama Pemangku Pengarah INFAD telah diadakan pada 5 Februari 2005 lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, KUIM. Majlis yang julung-julung kalinya diadakan ini adalah bertujuan untuk menghargai sumbangan dan usaha Penyelaras dan Ahli Jawatankuasa Kecil dibawah INFAD sejak INFAD ditubuhkan. Disamping itu, majlis ini merupakan satu saluran yang relevan bagi penyediaan input untuk memantapkan semua Bahagian dibawah INFAD. Pada sesi diskusi, Ahli Jawatankuasa Kecil telah diberi peluang secara telus bagi memberi komen dan pendapat mereka. Agenda majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Abdul Samat Musa, Pemangku Pengarah INFAD kepada Penyelaras dan Ahli Jawatankuasa Kecil dibawah INFAD.

- a) session one, 11th April 2005 to 14th May 2005
- b) session two, 9th to 30th June 2005
- c) session three, 25th July to 19th August 2005
- d) session four, 5th to 23rd December 2005

Prior to the uploading process, the fatwa related materials were meticulously checked and classified by the fatwa content committee, fms committee and the administrative staff of infad. At present, about 2,800 fatwa related materials have been uploaded into fms and amongst the materials collected include series of fatwa collection by the mufti offices in Malaysia, Indonesia, Brunei and Pattani.

The Ijtihad Development Division

The Ijtihad development division was officiated by YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli Ngah Talib, speaker of the house of representatives, Malaysia during the ASEAN regional seminar that was held on the last 16th-17th August 2005 at the Nikko Hotel Kuala Lumpur. Among the objectives of the establishment of this division include:-

- a) To realize the aspiration of Kuim as well as that of INFAD in encouraging and cultivating the tradition of Islamic knowledge in strengthening the Islamic Ummah.
- b) To provide assistance for the country in establishing Malaysia as an exemplary model for its contribution to the development and unity of Islamic Ummah.
- c) To propagate Ijtihad as the positive mechanism in providing solutions to the various issues and problems faced by the muslims in this country.

Luncheon Reception With The Acting Director Of Infad

A luncheon reception with the acting director of INFAD was successfully held on the 5th of February 2005 at the faculty main meeting room, level 13, kuim. This inaugural event was organized in appreciation of the efforts and dedications shown by the coordinators and sub-committee members of infad since its first establishment. The event was also held as a platform for obtaining additional relevant input to strengthen the roles played by all infad divisions. During the discussion session, the sub-committee members had the opportunity to express their views as well as give comments regarding significant matters that would contribute to the success of INFAD. The reception ended with the awarding of certificates of appreciation by Prof. Dr. Abdul Samat Musa, the acting director of INFAD to all its coordinators as well as sub committee members.



Hal Ehwal Pelajar

Student Affairs

Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah

Seminar Sehari BTN 2005

Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah dengan kerjasama Biro Tatanegara Negeri Sembilan, telah menganjurkan Seminar Sehari BTN 2005 pada 19 dan 26 Februari 2005 bertempat di Tingkat 11, Menara B, KUIM Pandan Indah, dan juga di Auditorium MPAJ, khusus untuk pelajar tahun satu dan tahun akhir KUIM. Antara topik yang dibincangkan meliputi aspek ekonomi, politik dan pendidikan di Malaysia.

Pengambilan Ahli Baru Pembimbing Rakan Universiti (PRU)

Pembimbing Rakan Universiti (PRU) telah mengadakan temuduga bagi pengambilan ahli baru pada 3,4,8 dan 9 Ogos 2005 di kampus sementara Pandan Indah. Seramai 30 orang telah berjaya dipilih dan akan diberi latihan khusus mengenai peranan dan tanggungjawab PRU, teknik dan teori kaunseling, peranan fasilitator dan kursus pengurusan organisasi bagi memantapkan diri sebagai pembimbing kepada rakan-rakan pelajar di kampus.

Klinik Kaunseling EQ

Pada 15 Februari 2005, Unit Kaunseling dan Pembangunan Sahsiah telah mengadakan Klinik Kaunseling EQ untuk para pelajar dan kakitangan KUIM. Melalui Klinik Kaunseling ini, satu inventori personaliti untuk mengetahui tahap EQ (kecerdasan emosi) individu telah disediakan. Seramai 10 orang pelajar dan kakitangan KUIM telah meluangkan masa menguji tahap kecerdasan emosi masing-masing dan mengikuti sesi bimbingan bersama kaunselor.

Majlis Penyerahan Cek Zakat BIMB

KUIM telah menerima sumbangan zakat yang berjumlah RM 40,000.00 daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk diagihkan kepada para pelajar yang layak menerimanya. Sehubungan itu, pada peringkat pertama seramai 40 orang pelajar telah layak menerima bantuan Zakat BIMB tersebut yang berjumlah RM 25,900.00. Walau bagaimanapun, untuk saringan peringkat kedua, seramai 33 orang pelajar telah dipilih untuk menerima baki bantuan zakat yang bernilai RM 14,100.00. Penyerahan cek tersebut telah diadakan pada 21 Oktober 2005 dan disampaikan oleh Pof. Dato' Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM bertempat di Masjid Bandar Baru Nilai, sempena Majlis Berbuka Puasa. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah wakil dari BIMB.

A One Day BTN Seminar 2005

A one day BTN seminar was held specifically for all first and second year students of IUCM on February, 19th and 26th 2005. It was fully handled by the BTN officer. Among the topics discussed were related to politics, economy and educational aspects which contribute to the development of Malaysia as a third world country.

Application for IUCM Peers Group

A special interview for the new recruitment of IUCM Peers was held on the 3rd, 4th, 8th and 9th of August 2005 at Pandan Indah Campus. 30 out of 165 applicants were chosen to participate in the first induction course at Rebutia Training Camp on 30th December 2005 until 2nd January 2006. The talk was given by Puan Nurhzreen Mohd Nor, IUCM Counselor. Among the topics discussed were related to the role and responsibility of peers, counseling theory and techniques, besides various roles plays and group activities.

Counseling Clinic on Emotional Quotient (EQ)

A Counseling Clinic on Emotional Quotient (EQ) was held on the 15th February 2005 for all IUCM students and staff. The objective of having this clinic is to see the person's level of emotional quotient in facing his or her life's routine. The participants were given a set of questionnaire and obtained the assessment result immediately. They were given an opportunity to discuss the result obtained with the Counselor. Through further consultation, the Counselor was able to guide the participants in order to develop their personality.

Majlis Penyerahan Cek Zakat BIMB

IUCM received RM 40,000.00 from Islamic Bank Berhad (BIMB) to be distributed to all needy students. Nearly 73 students received the money in a special ceremony which was held on the 21st October 2005 at Bandar Baru Nilai Mosque. IUCM Rector, Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin was present to distribute the cheque to the students.



Hal Ehwal Pelajar Student Affairs

Program Pengantarabangsaan

Kursus Intensif Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di Luar Negara

Pertandingan Debat Alam Sekitar IPTA <i>IPTA Environmental Debate Competition</i>	Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor <i>Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor</i>	23 - 27 Julai 2005 23 - 27 July 2005



Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan Faculty Of Leadership And Management

Lawatan ke Persatuan Pengasih Malaysia (Pendekatan Terapeutik Komuniti dan Keagamaan) <i>Visit to Persatuan Pengasih Malaysia (Therapeutic Community and Spiritual Approach)</i>	SPADA KUIM	25 Julai 2005
Lawatan ke Pusat Serenti Bachok, Kelantan (Pendekatan Terapeutik untuk wanita sahaja) <i>Visit to Pusat Serenti Bachok, Kelantan (Therapeutic Community Approach for women only)</i>	SPADA KUIM	25 July 2005
Lawatan ke Pusat Serenti Besut, Terengganu (Pendekatan Psikososial) <i>Visit to Pusat Serenti Besut, Terengganu (Psychosocial Approach)</i>	SPADA KUIM	31 Julai 2005
Lawatan ke Pusat Serenti Dengkil <i>Visit to Pusat Serenti Dengkil</i>	SPADA KUIM	31 July 2005
Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan 2005 <i>Young Daies Convention (National Level) 2005</i>	FKP	15 Ogos 2005
Kejohanan Debat Antara Fakulti Piala Rektor 2005 <i>Inter-Faculty Debate Tournament (Rector's Cup) 2005</i>	FKP	15 August 2005
Program Sambutan Penutupan Bulan Kemerdekaan <i>Month of Independence Celebration Closing Program</i>	Persatuan Debat KUIM Debate Club KUIM	27 - 28 Ogos 2005
Sesi Dialog Program Pengantarabangsaan <i>Internationalization Program Dialogue Session</i>	HEP	17 - 25 September 2005
Misi Ilmiah Ke Laman Abiya 2005 <i>Academic mission to Laman Abiya 2005</i>	HEP	17 - 25 September 2005
Lawatan ke Pusat Serenti Sungai Petani (Pendekatan Terapeutik Komuniti) <i>Visit to Pusat Serenti Sungai Petani (Therapeutic Community Approach)</i>	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia <i>Ministry of Higher Education Malaysia</i>	28 November - 06 Disember 2005
Lawatan ke Pusat Serenti Bukit Chabang <i>Visit to Pusat Serenti Bukit Chabang</i>	SPADA KUIM	28 November - 06 December 2005
Lawatan ke Pejabat Urin AADK Padang Besar <i>Visit to Urinary Office AADK Padang Besar</i>	SPADA KUIM	4 Disember 2005
	SPADA KUIM	4 December 2005
	SPADA KUIM	6 Disember 2005
	SPADA KUIM	6 December 2005
	SPADA KUIM	6 Disember 2005
	SPADA KUIM	6 December 2005



Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan

Faculty Of Leadership And Management

Jadual : Bengkel Persidangan Anjuran FKP
 Schedule: Workshops/Conferences Organized by FKP

Program Programme	Tarikh Date	Tempat Venue	Pembentang Presenter	Penyertaan Participant
Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan (5 Siri)	Sepanjang Tahun	KUIM	Kakitangan Akademik dan Pelajar KUIM <i>KUIM's Academicians and Students</i>	50 orang
Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan (5 Series)	Throughout the year	KUIM		50 people
Bengkel Latihan Khidmat Komuniti KUIM	27 - 29 Jun 2005	Dewan Kuliah 4, Menara B, MPAJ, Kampus Sementera KUIM, Pandan Indah	Kakitangan Akademik FKP dan Jemputan Luar KUIM	100 orang
KUIM Social Work Training Workshop	27 -29 June, 2005	Lecture Hall 4, Menara B, MPAJ, KUIM, Pandan Indah.	FKP's Lecturers and Tutors and invited speakers	100 people
Seminar Sehari Benci Dadah	6 Ogos 2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Indah	Pensyarah SPADA dan dan Wakil dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan <i>SPADA's Lecturers and Representatives National Anti Drugs Agency(AADK)</i>	120 orang pelajar
One Day Seminar on Anti Drugs	6 August 2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan Indah		120 people
Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan 2005	26-27 Ogos 2005	Dewan Kuliah 4, Menara B, Kampus Sementera KUIM, Pandan Indah	Kakitangan KUIM dan panel jemputan luar KUIM	100 orang
National Convensyen on Pendakwah Muda 2005	26-27 August 2005	Lecture Hall 4, Menara B, MPAJ, KUIM, Pandan Indah	KUIM's Staffs and Invited Speakers	100 people
Seminar Penyalahgunaan Dadah bertajuk Kemerdekaan dan Peranan Wanita	26 Ogos 2005	Dewan Serbaguna Batu 7	Pensyarah SPDA dan Wakil dari Agensi Anti Anti Kebangsaan	100 orang
Seminar on Drug Abuse: The Independence and the Role of Women	26 August 2005	Dewan Serbaguna Batu 7	SPADA's Lecturers and Representatives National Anti Drugs Agency(AADK)	100 people
Bengkel Pencegahan Relapse	4 September 2005	Hotel Seri Malaysia Johor Bahru	Pensyarah SPADA dan Wakil dari Agensi Kebangsaan	40 orang Pegawai AADK Zon Selatan Anti Dadah
Relapse Prevention Workshop	4 September 2005	Hotel Seri Malaysia Johor Bahru	SPADA's Lecturers and Representatives National Anti Drugs Agency(AADK)	100 people
Seminar Sehari Pencegahan Dadah	5 September 2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Batangkali, Selangor	Pensyarah SPADA dan Wakil dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan	150 orang pelajar Tingkatan 4
One Day Seminar on Drug Prevention	5 September 2005	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Batangkali, Selangor	SPADA's Lecturers and Representatives National Anti Drugs Agency(AADK)	150 form 4 students



Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan Faculty Of Leadership And Management

Aktiviti Pemantapan Kurikulum:

Sebagai usaha untuk menjamin kualiti pengajaran-pembelajaran serta memastikan bakal graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan tanaga kerja negara, FKP telah mengadakan lawatan ke beberapa lokasi antaranya Pusat Serenti Sungai Petani Kedah, lawatan ke Pusat Serenti Besut, Terengganu, lawatan ke Pusat Serenti Dengkil, lawatan ke Pusat Serenti Bukit Chabang dan juga lawatan ke Pejabat Urin AADK Padang Besar. Bagi pelajar yang terpilih khasnya pelajar daripada SPADA. Tujuan utama lawatan ialah untuk membuat penilaian terhadap minat pelajar dalam menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kursus yang mereka sertai.

Aktiviti Pembangunan Akademik Mahasiswa:

Dengan kesedaran bahawa mahasiswa merupakan aset yang penting kepada universiti, dan untuk meningkatkan kecermelangan mahasiswa, beberapa aktiviti pembangunan akademik telah diadakan. Antara lain;

- Kursus Intensif Bahasa Inggeris (7 - 9 Julai 2005) Kursus yang diadakan khusus untuk pelajar tahun satu dan dua ini diadakan bagi memantapkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- Retreat Pelajar Tahun Dua dan Tiga (22 - 24 Julai 2005) Retreat Pelajar Tahun Dua dan Tiga diadakan di Kem Gelanggang Buaya, Banting Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa - mahasiswa FKP. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 330 pelajar FKP dari Tahun Pertama.
- Retreat Pelajar Tahun Satu (29 - 31 Julai 2005) Retreat Pelajar Tahun Satu diadakan di Kem Gelanggang Buaya, Banting Selangor bagi memantapkan pencapaian mahasiswa-mahasiswa FKP ke arah yang lebih cemerlang. Bengkel yang diadakan ini disertai oleh 129 pelajar FKP dari Tahun Satu.
- Kursus Suntingan (Pinnacle 9.0) (13 - 14 Ogos 2005) Kursus ini telah diadakan di Makmal Komunikasi Kampus Sementara KUIM, Pandan Indah, Selangor bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap penggunaan perisian pannacle disamping memberi latihan agar peserta mempunyai kemahiran dalam kerja-kerja penyuntingan. Antara lain ialah untuk mengenal pasti teknik dan kaedah penyuntingan.

Intensification Curriculum Activities:

In order to assure the quality of teaching and learning as well as producing competent and skilled graduates, the FKP has conducted a series of visitation to some of Drug Rehabilitation Centers and National Anti Drugs Agency (AADK). The centers are Drug Rehabilitation Centers, Sungai Petani Kedah, Drug Rehabilitation Besut, Terengganu, Drug Rehabilitation Dengkil and Drug Rehabilitation Bukit Chabang as well as AADK's Urinary Office. The main objective of the visit is to evaluate the students' interest in intensifying their level of knowledge and proficiency in drug prevention and rehabilitation.

Academic Development Programs

Due to the awareness that the students are the important asset of the University and the need to enhance their competency hence the University has conducted several academic development programs. The programs are:

- Intensive English Language Course (7-9 July 2005)
The course was specifically organized for the 1st and 2nd year students. The aim of the course was to improve the students' proficiency and competency in English.
- Retreat for 2nd and 3rd Students (22-24 July 2005)
The retreat was held at Kem Gelanggang Buaya, Banting Selangor. The program aimed to enhance the students' academic performance. There were also 330 students from the 1st year taking part in the program.
- First Year Students Retreat Program (29 - 31 July 2005)
The retreat program was held at Kem Gelanggang Buaya, Banting, Selangor with the aim to improve the FKP students' achievement. The workshop was attended by 129 first year FKP students.
- Editing Course (Pinnacle 9.0) (13-14 August 2005)
The course was held in the communication laboratory situated in the temporary KUIM campus at Pandan Indah. The aim is to expose the participants with Pinnacle software and to provide practice to increase ability in editing processes.



Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan Faculty Of Leadership And Management

- Program Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Melalui aktiviti "Layar Gemilang" menyusuri Selat Melaka (27 Julai 2005) Memberi kesedaran dan pengetahuan dalam usaha pencegahan penyalahgunaan dadah di tempat kerja.
- Program Pendidikan Keibubapaan yang bertajuk Rakan Kongsi Kepulihan Dalam Penyalahgunaan Dadah (6 Ogos 2005). Memberi kemahiran dan pengetahuan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah bagi tujuan membantu kepulihan anak-anak.
- Program Pencegahan Dadah dan Cabarannya (6 Ogos 2005). Memberi kesedaran kepada masyarakat setempat tentang bahaya penyalahgunaan dadah serta usaha-usaha yang telah dilakukan dalam memerangi penyalahgunaan dadah.
- Program Ceramah Mahasiswa Benci Dadah (17 Ogos 2005). Memberi kesedaran kepada kumpulan mahasiswa tentang bahaya pengambilan dadah.
- Program Kepulihan Harian untuk Pencegahan Penagihan Semula (26 Ogos 2005). Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada bekas penagih dadah tentang kaedah-kaedah untuk mencegah daripada penyalahgunaan semula.


Aktiviti Persidangan Fakulti:

Aktiviti Persidangan Fakulti telah dijalankan bagi mempertingkatkan pengetahuan warga fakulti khasnya, dan warga KUIM, amnya. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan 2005 (26-27 Ogos 2005) telah diadakan dengan jayanya di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. FKP juga telah menganjurkan Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan. Siri Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan ini merupakan siri pembentangan kertas yang diadakan sebanyak 6 siri pada setiap tahun.

- Drug Abuse Prevention Program: "Layar Gemilang" through the Malacca Strait activity. To create awareness of knowledge in the attempt to prevent drug abuse in the workplace.
- Parenting Education Program Entitled "Rehabilitation Partners in Drug Abuse" To provide skills and knowledge to parents who have children involved in drug abuse with the aim to help out in the rehabilitation processes.
- Drug Prevention Program and Its Challenges To create awareness in the local community pertaining the danger of drug abuse and the attempts made in combating drug abuse.
- Talk on "Mahasiswa Benci Dadah" To create awareness to students pertaining the danger of drug abuse
- Daily Rehabilitation Program for Relapse Prevention The program was held to create awareness to ex-drug abusers pertaining methods of relapse prevention

Conferences Organized by the Faculty

Conferences organized by the faculty aimed to increase knowledge among the faculty members and KUIM as a whole. Among the activities held was Konvensyen Pendakwah Muda Peringkat Kebangsaan on 26 - 27 August 2005 at the Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia). FKP also organized Muzakarah Kepimpinan dan Pengurusan. The series of these Muzakarah contain six paper presentation in a year.





Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan Faculty Of Leadership And Management

Aktiviti Penerbitan Fakulti:

Pada tahun 2005, pihak Fakulti telah berjaya menghasilkan sebuah buku penerbitan di bawah tajuk "Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakh�ak" Antara barisan penulis buku ini ialah Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo, En. Khairunneezam Mohd Noor, En. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali, dan juga Pn. Rozita Abdullah. Kini fakulti dalam perangkaan untuk menghasilkan buku kompilasi Muzakarah FKP dan buku terbitan Jabatan Komunikasi FKP.

Aktiviti Penyelidikan Fakulti

Tahun 2005 telah memperlihatkan kejayaan Fakulti dalam menghasilkan penyelidikan di mana sebanyak 11 aktiviti penyelidikan telah berjaya dijalankan oleh pensyarah-pensyarah FKP. Tajuk-tajuk penyelidikan tersebut ialah Dakwah Kepada Masyarakat Cina: "Kajian Perbandingan Di Antara Darul Fitrah di Malaysia, Darul Arqam di Singapura dan Yayasan Ukhudah Islamiah di Indonesia, Peranan Tarekat Tasawuf Dalam Memulihkan Penagih Dadah: Satu Kajian Di Sg. Ikan, Terengganu, Pandangan Ibu Bapa Yang Menghantar Anak-anak Ke Sekolah Agama Rakyat di Kedah dan Kelantan Terhadap Sains dan Teknologi, Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah, Profil Permasalahan Saudara Baru di Malaysia, Kajian Akidah dan Metodologi Dakwah Kumpulan Al-Ahbasy, Pengurusan Fatwa di Negara-negara Nusantara - Pengurusan Fatwa di Indonesia, Video Etnografi: Revisits Nomads of the Jungle (1986); Kajian kembali perbandingan cara hidup masyarakat yang dipaparkan dalam video (1987) dengan yang diperhatikan sekarang (2004) dan tinjauan tentang perkembangan program dakwah, Kajian Kaunseling dalam Islam, Tahap Kemahiran dan Kemudahan Penggunaan ICT: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar KUIM dan juga Modaliti Dakwah Dalam Menentang Gejala Dadah di Kalangan Remaja/ Belia Felda.


Publications by the Faculty

In 2005, the Faculty has succeeded in publishing a book entitled "Membangun Masyarakat Modern yang Berilmu dan Berakh�ak". Among the contributors are Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo, En. Khairunneezam Mohd. Noor, En. Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Rozali and Mdm. Rozita Abdullah. Currently, the Faculty is in the progress of publishing a compilation book of Muzakarah papers and also a book from the Communication Program.

Research Activities of the Faculty

2005 has proven the success of the Faculty in the research activities where 11 research projects have been conducted by lecturers from various programs. The research projects include Comparative Study Among Darul Fitrah in Malaysia, Darul Arqam in Singapore and Yayasan Ukhudah Islamiah in Indonesia; The Roles of Tarekat Tasawuf in Drug Abusers Rehabilitation: A Case Study in Sg. Ikan, Terengganu; The Perception of Parents who Admitted their Children to Sekolah Agama Rakyat in Kedah and Kelantan toward Science and Technology; The Personality Measurement Formation of a Daie; Problems Profile of Newly Converts in Malaysia; A Study on Al-Ahbasy's Aqidah and Dakwah Methodology; Fatwa Management in the Regional Countries - Fatwa Management in Indonesia; Ethnography Video: Revisiting Nomads of the Jungle (1986); A Comparative Study of the Life Styles Recorded in the Video (1987) and the Current Life Styles (2004); Counselling in Islam; The Level of ICT Usage Skills and Facilities: A Study among KUIM Students; and Dakwah Modality in Combating Drug among the FELDA youths.





Fakulti Sains Dan Teknologi

Faculty Of Science And Technology

Pusat Tamhidi

Tamhidi Center

Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Fakulti Sains dan Teknologi (FST) ditubuhkan secara rasminya pada 1 Disember 2003. Pada awal penubuhannya, FST telah ditempatkan di Lot A1106, Tingkat 11, Menara A, Bangunan MPAJ, KUIM Pandan Indah. Walau bagaimanapun, pada 17 Mei 2004, FST telah berpindah secara rasmi ke Bangi dengan menjadikan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi sebagai premis sementara.

Pada Sesi Pengajian 2004/2005 FST menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) dengan kemasukan pelajar sulung seramai 43 orang. Sementara, pada Sesi Pengajian 2005/2006, FST telah menawarkan dua (2) program baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko) dan Program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat). Seramai 88 orang pelajar dari tiga (3) buah program telah diterima masuk pada sesi kali ini, 39 orang dari Program Bioteknologi Makanan, 27 orang dari Program Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko dan 22 orang dari Program Keselamatan dan Jaminan Maklumat. Jumlah keseluruhan pelajar setakat ini adalah seramai 131 orang. Pada Sesi pengajian 2006/2007 dua (2) lagi program baru akan ditawarkan iaitu Program Matematik Kewangan dan Program Kejuruteraan Telekomunikasi

Di sepanjang pengajian di kampus sementara ini, pelajar FST telah ditempatkan di Kolej Kediaman Ke-IV, Asrama KPTM Bangi. Dari segi penggunaan makmal untuk pembelajaran, makmal Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah digunakan bagi memudahkan pelajar dari Program Bioteknologi Makanan menjalani amali.

Fakulti Sains dan Teknologi (FST) telah berpindah ke kampus tetap di Bandar Nilai dan beroperasi secara rasmi pada 19 Disember 2005 dan ditempatkan di Aras 3, Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), sungguhpun begitu, urusan makmal masih lagi di UKM. Pelajar yang dahulunya ditempatkan di Kolej Kediaman Ke-IV, Asrama KPTM Bangi kini dipindahkan ke Kolej Kediaman Nilam Court, Nilai.

Di sepanjang tahun 2005, FST telah menganjurkan beberapa program. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

The Faculty of Science and Technology (FST) was officially established on 1st December 2003. Its early premises were located at Lot A1106, Tingkat 11, Menara A, Bangunan MPAJ, KUIM Pandan Indah. However, on 17th May 2004, FST was moved to a different campus in Bandar Baru Bangi, sharing its premises with Kolej Polytech MARA (KPTM), Bangi, on a temporary basis.

For the 2004/2005 academic session, FST offered its pioneer programme, the Bachelor of Food Biotechnology, with Honours. This programme was offered to 43 pioneer students. The 2005/2006 academic session saw an addition in the programmes offered and these were the Bachelor of Actuarial Science and Risk Management, with Honours, and Bachelor in Computer Science (Information Security and Insurance Management), with Honours, respectively. A total of 88 students, studying in the three programmes were running simultaneously at this time. 39 of these students were from the Food Biotechnology programme, 2 from the Actuarial Science and Risk Management programme and 22 from the Information Security and Insurance Management programme. The total amount of students currently is 131, in total. For the 2006/2007 academic session, two more programmes will be offered which are the Financial Math and Telecommunications Engineering programmes, respectively.

During the academic session on the temporary campus in Bangi, the FST students were placed at the Fourth College in the dormitory of KPTM Bangi. For lab sessions, students were given access to the labs of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), which were used especially for the Food Biotechnology students to carry out their practical sessions.

On 19th December 2005, FST made the official move to the permanent campus of Kolej Islam Malaysia (KUIM) Nilai. FST's premises are currently on the third floor of the Faculty of Leadership and Management (FKP) building. However, lab sessions for the students are still carried out in UKM. The student hostels have moved from the Fourth College of KPTM Bangi to the Nilam Court Student Hostels, in Nilai.

In the year 2005, FST carried out numerous programmes and events, on a moderate scale. The programmes and events are as follows:

BIL BIL	PROGRAM PROGRAMME	TEMPAT VENUE	TARIKH DATE
1.	Seminar Microsoft Power Point <i>Microsoft Power Point Seminar</i>	BK 1, FST Bangi <i>BK 1, FST Bangi</i>	15 Januari 05 <i>15 January 05</i>
2.	Graduan dan Pemikiran Sistemik dalam Menghadapi Dunia Globalisasi <i>Systemic Thinking Towards Globalization World</i>	Kersani Training Centre, Johor <i>Kersani Training Centre, Johor</i>	28 - 30 Januari 05 <i>28 - 30 January 05</i>
3.	Ekspedisi Pendakian ke Gunung Dato' <i>Expedition to Gunung Dato'</i>	Gunung Dato' Negeri Sembilan <i>Gunung Dato' Negeri Sembilan</i>	9 - 10 Februari 05 <i>9 - 10 February 05</i>
4.	Bengkel Pemantapan Kualiti Pengajaran dan Pengiktirafan Ijazah FST dan Pusat Tamhidi <i>Workshop on Enhancement of Teaching Quality for FST and the Tamhidi Centre</i>	Bukit Tinggi Resort, Pahang <i>Bukit Tinggi Resort, Pahang</i>	30 Mei - 1 Jun 05 <i>30 May - 1 June 05</i>
5.	Bengkel Kecemerlangan Jati Diri dan Pembangunan Sahsiah <i>Workshop on Individual Excellence and Self-Development</i>	Dusun Eco Resort, Pahang <i>Dusun Eco Resort, Pahang</i>	15 - 17 Julai 05 <i>15 - 17 July 05</i>
6.	Kem Motivasi dan Pembangunan Sahsiah <i>Motivation and Self-Development Camp</i>	Kem Lambaian Danau, Kg Chinchin Melaka <i>Kem Lambaian Danau, Kg Chinchin Melaka</i>	16 - 18 September 05 <i>16 - 18 September 05</i>
7.	Majlis Anugerah Dekan Semester 2, Sesi 2004/2005 <i>Dean's Awards Ceremony, 2nd Semester, Session 2004/2005</i>	BK 1, FST Bangi <i>BK 1, FST Bangi</i>	4 Oktober 05 <i>4 October 05</i>
8.	Taklimat Kerjaya dalam Bidang Bioteknologi <i>Talk on Careers in Food Biotechnology</i>	Bilik Mesyuarat FSU <i>Bilik Mesyuarat FSU</i>	24 Oktober 05 <i>24 October 05</i>
9.	Bengkel Pemantapan dan Teknik Pembelajaran Berkesan <i>Workshop on Effective Study Skills</i>	BKP 1, FSU <i>BKP 1, FSU</i>	27 Disember 05 <i>27 December 05</i>



Pusat Tamhidi

Tamhidi Center

Pusat Tamhidi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah ditubuhkan pada 26 Januari 2004 di kampus KUIM di Pandan Indah yang kemudiannya ditempatkan di Kolej Poly Tech MARA (KPTM) Bangi pada 17 Mei 2004. Kini Pusat Tamhidi telah berpindah ke kampus tetap di Bandar Baru Nilai pada 16 Disember 2005. Pusat ini merupakan wadah pengajian bagi lepasan SPM yang bertujuan menyediakan calon ke peringkat ijazah pertama. 'TAMHIDI' bermaksud persediaan, adalah sama seperti Matrikulasi, Asasi dan Tahun Asas bagi Universiti lain. Pusat Tamhidi KUIM menawarkan pengajian untuk tempoh satu tahun. Pelajar yang telah tamat dari pusat ini boleh melanjutkan pengajian keperingkat ijazah di fakulti-fakulti di KUIM dengan mengikuti syarat yang telah ditetapkan.

Program pengajian yang ada di Pusat Tamhidi bagi sesi 2004/2005 adalah program Tamhidi Perubatan. Pada sesi 2005/2006 program pengajian telah bertambah iaitu Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang dan Tamhidi Sains & Teknologi. Pelajar lepasan Tamhidi KUIM akan dapat menyambung pengajian mereka ke fakulti-fakulti yang berkaitan dengan mengikuti syarat kelayakan program yang ditawarkan.

Bagi sesi 2006/2007, pengambilan pelajar untuk dua program baru akan dijalankan iaitu Tamhidi Pergigian dan Tamhidi Perakaunan & Muamalat. Kemasukan pelajar akan dijalankan pada Julai 2006.

Disepanjang tahun 2005, program yang telah dijalankan adalah program seperti berikut:-

The Islamic University College of Malaysia Tamhidi Centre was established on 26 January 2004 at the Pandan Indah Campus. It was then relocated to the Poly-Tech Mara College, Bangi on 17 May 2004.

Looking forward to having its own building, the Tamhidi Centre is now temporarily located at the Leadership and Management Faculty building since 16 December 2005. The centre plays its role as a provider of foundation courses, aimed to guide SPM holders to further their studies at the degree level. Tamhidi, which means preparation, has more or less the same function as a matriculation centre in other universities. The program takes a year to complete and then students may pursue their studies at the degree level at the faculty based on the requirements needed.

Medicine was the first program offered in the 2004/2005 session. In the next session, 2005/2006, the Tamhidi Centre excellently expanded, offering another two programs, the Tamhidi Syariah and Law and Tamhidi for Science and Technology.

Tamhidi Accountancy and Muamalat will be an added program for the 2006/2007 session. The intake for the next session will be in July 2006.

Below is the program held by Tamhidi Centre throughout the year of 2005.

Bil. No	Program Program	Tarikh/Bulan Tahun 2005 Date	Tempat Venue
1	Bengkel Pengajaran & Pengiktirafan Pusat Tamhidi Bengkel Pemantapan Kualiti Pengajaran dan Pengiktirafan Program Pusat Tamhidi	20 hingga 22 Disember 2005 20-22 December 2005	Bayu Beach Resort, Port Dickson Bayu Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan



BUKU PANDUAN
FAKULTI PERUBATAN & SAINS KESIHATAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
30HB MAC 2005

Fakulti Perubatan Dan Sains
Kesihatan

Faculty Of Medicine And Health Sciences
Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Tahun 2005 merupakan tahun bersejarah buat KUIM amnya dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) khususnya, kerana pada tahun tersebut, FPSK telah menerima pelajar sulungnya seramai 29 orang yang mengikuti program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri.

FPSK kini beroperasi di tingkat 13, Menara B, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur (yang juga dikenali Kampus KUIM, Kuala Lumpur).

Bangunan yang disewa sebanyak lima tingkat ini dibuat pengubahsuaian yang sepatutnya mengikut keperluan dan keselesaan pelajar serta kakitangan. KUIM menempatkan FPSK di Menara B, Pandan Indah adalah kerana hospital pengajar iaitu Hospital Ampang di Pandan Mewah terletak berhampiran dengan FPSK, iaitu sejauh 1.5 kilometer. Manakala, pelajar pula ditempatkan di Asrama Riviera 3, Taman Muda yang hanya dua kilometer daripada kampus.

Walaupun FPSK merupakan salah sebuah daripada fakulti baru di KUIM, pelbagai program telah dirangka dan dilaksanakan dengan jayanya bagi meningkatkan tahap pencapaian akademik, pembangunan sahsiah dan peningkatan prestasi kakitangan. Berikut merupakan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2005.

Minggu Taaruf FPSK

Minggu Taaruf FPSK diadakan pada 3 Julai 2005 dijalankan selama tiga hari. Tujuan diadakan Minggu Taaruf FPSK adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar FPSK supaya dapat mengadaptasi keadaan kehidupan mereka sebagai pelajar perubatan yang sentiasa sibuk dengan pengajian dan berbeza dengan pelajar lain. Semasa minggu tersebut juga mereka telah dibawa melawat ke beberapa buah fakulti perubatan lain, contohnya Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Kuala Lumpur.

Majlis Penutup Minggu Taaruf

Majlis makan Tengahari di Kelana Seafood, Bandar Tasik Permaisuri merupakan tirai penutup untuk Minggu Taaruf pada 9 Julai 2005. Semua pelajar dan pensyarah termasuklah pihak pengurusan telah dijemput ke majlis tersebut supaya mereka dapat mengenali antara satu sama lain.

2005 was a historical year for KUIM and especially for the Faculty of Medicine and Health Sciences as it accepted its first batch of 29 pioneer students to undertake the Bachelor of Medicine and Surgery.(MBBS).

FPSK is now operating at the 13th floor, Menara B, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur (which is also known as the KUIM, Kuala Lumpur Campus). The five floors rented here have been renovated to cater to the needs and comfort of the students and staff. KUIM houses the Medical Faculty at Menara B, Pandan Indah as the teaching hospital, Hospital Ampang at Pandan Mewah is situated nearby, only 1.5 kilometers away. Students are housed at Riviera 3 Hostel, Taman Muda which is only two kilometers from the campus.

Although FPSK is a new faculty in KUIM, a number of programs were planned and carried out successfully to increase the academic performance, character building and staff performance. Below are the activities carried out during the year 2005.

FPSK's Orientation Week

The orientation week which started on 3 July 2005 was carried out for three days. The aim of the orientation week was to give exposure to the first batch of students so that they could adapt themselves to their new lives as medical students who are more focused and busy in their studies compared to the rest of the students. During this week, they also visited other medical faculties nearby, such as Universiti Malaya's Medical Faculty, Universiti Kebangsaan Malaysia's Medical Faculty and the Kuala Lumpur General Hospital.

The Orientation Week Closing Ceremony

A luncheon held at Kelana Seafood, Bandar Tasik Permaisuri on 9 July 2005 was the closing for the Orientation Week. All students, lecturers and administration staff were invited to the function as they could meet each other firsthand.



Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan Faculty Of Medicine And Health Sciences

Majlis Penutup Minggu Taaruf

Majlis makan Tengahari di Kelana Seafood, Bandar Tasik Permaisuri merupakan tirai penutup untuk Minggu Taaruf pada 9 Julai 2005. Semua pelajar dan pensyarah termasuklah pihak pengurusan telah dijemput ke majlis tersebut supaya mereka dapat mengenali antara satu sama lain.

Lawatan Ke Muzium Kesenian Islam

Lawatan ini telah diadakan pada 6 Ogos 2005 bagi membantu pelajar mengenali dunia luar yang lebih menarik disamping menyiapkan tugasan yang telah diberikan.

Lawatan Ke Balai Seni Lukis Negara

Lawatan yang bertujuan untuk menyiapkan sebahagian tugasan untuk subjek Bahasa Inggeris telah dibuat pada 13 Ogos 2005. Beberapa orang kakitangan bersama guru bahasa Inggeris telah membawa pelajar ke Balai Seni Lukis Negara bertujuan untuk mendekatkan pelajar dengan perkara yang berbeza selain daripada bidang pengajian mereka.

Majlis Berbuka Puasa

Oleh kerana FPSK adalah antara fakulti baru di KUIM dan tidak ramai kakitangan yang bertugas di sini, maka Majlis Berbuka Puasa diadakan bagi merapatkan hubungan di antara pelajar dan kakitangan. Sebelum majlis bermula, satu taklimat berhubung pengurusan jenazah telah dikendalikan oleh En. Irwan Mohd. Subri yang merupakan salah seorang daripada tenaga pengajar di FPSK. Majlis tersebut diadakan pada 15 Oktober 2005.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengurusan Tertinggi KUIM

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan diantara pelajar, kakitangan dan pihak pengurusan. YBhg. Dato' Rektor yang mewakili pihak pengurusan telah menyampaikan amanat untuk pelajar FPSK. Majlis tersebut dianjurkan bersama Bahagian Hal ehwal Pelajar pada 19 Oktober 2005.

OPKIM

OPKIM pelajar FPSK diadakan di Bandar Indera Mahkota dengan kerjasama daripada Klinik Desa Indera Mahkota dan Poliklinik Komuniti Beserah pada 19 November 2005.

Visit to the Islamic Arts Museum.

This visit was carried out on 6 August 2005 to help expose students to the public besides completing an assignment given.

Visit to the National Arts Gallery.

The objective of the visit on 13 August 2005 was to complete the students' English project paper. A few staff with the English teacher accompanied the students to the National Arts Gallery to introduce the students to other fields of interest besides their studies in medicine.

Majlis Berbuka Puasa

As the medical faculty is a new faculty in KUIM, the number of staff is small, thus a Majlis Berbuka Puasa was held to strengthen the ties between the students and the staff. Before the ceremony started, a talk on jenazah management was conducted by En. Irwan Mohd. Subri who is also an academic staff at FPSK. The function was held on 15 October 2005.

Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengurusan Tertinggi KUIM

The objective of this function is to strengthen the ties between the students, staff and administration. Y.Bhg. Dato' Rektor who represented the management gave advice to the students. The dinner was also held with the support of Student Affairs Department on 19 October 2005.

OPKIM

OPKIM for the FPSK students was conducted at Bandar Indera Mahkota with the cooperation of Klinik Desa Indera Mahkota dan Poliklinik Komuniti Beserah on 19 November 2005. Although the students have only been medical students for a mere six months, they were introduced to the life of a rural doctor, besides taking in the physical health parameter of the local residents. They were also taught the techniques and ethics when checking patients firsthand. The local residents also gave good support and cooperation to the students.



Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan Faculty Of Medicine And Health Sciences

Walaupun baru enam bulan berada di FPSK, pelajar-pelajar telah didekah dengan kehidupan doktor di kawasan luar bandar, di samping melatih pelajar mengambil parameter kesihatan fizikal penduduk setempat. Mereka juga telah diajar teknik dan etika untuk memeriksa pesakit secara langsung. Penduduk setempat telah memberikan sokongan dan kerjasama yang baik kepada pelajar.

Program Kem Motivasi

Program Motivasi diadakan bersempena OPKIM di Mercu Beach Resort, Cherating, Pahang pada 18 dan 19 November 2005. Sesi bermula pada jam 10.30 pagi dan berakhir pada jam 10.30 malam. Beberapa orang penceramah yang berkenaan telah dijemput untuk menyampaikan taklimat berhubung bidang perubatan dan Islam. Program yang dirasmikan oleh Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan ini telah memberikan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan tahap keyakinan diri dan seterusnya dapat memperbaiki kemahiran perucapan awam.

Lawatan ke Hospital Temerloh

Semasa dalam perjalanan mengadakan OPKIM dan Kem Motivasi, pelajar telah mengadakan lawatan ke Hospital Temerloh yang merupakan salah sebuah hospital pengajar KUIM. Lawatan ini adalah merupakan lawatan pertama kali oleh pelajar FPSK. Kedatangan rombongan FPSK disambut meriah oleh staf dan pengurusan hospital.

Majlis Makan Malam FPSK

Majlis Makan Malam FPSK merupakan majlis terakhir yang diadakan pada tahun 2005. Kejayaan mengadakan majlis tersebut adalah hasil kerjasama diantara pelajar dan kakitangan. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran tetamu istimewa FPSK iaitu Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM dan isteri yang sudi merasmikan majlis pada malam tersebut. Seramai 80 orang tetamu yang hadir bagi memeriahkan majlis.

Motivation Camp

A Motivation Camp was held in conjunction with the OPKIM at Mercu Beach Resort, Cherating, Pahang on 18 and 19 November 2005. The session started at 10.30 am and ended at 10.30 pm. A few distinguished speakers were invited to talk on issues concerning Medicine and Islam. The programme was officiated by the Deputy Rector (Academic and Internationalisation). This gave the opportunity to the students to increase their self confidence and to improve their public speaking skills.

Visit to Hospital Temerloh

On the way to undergo the OPKIM and the Motivational Camp, the students visited the Temerloh Hospital which is one of the teaching hospitals for KUIM. This visit was the first by the medical students. The visit by them was well accepted by the staff and hospital administration.

Medical Faculty Dinner

This dinner was the last function organized by the faculty in 2005. The success of this dinner due to the cooperation between the students and the staff. The dinner was graced by FPSK's special guest YBhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, the Rector of KUIM and wife who officiated the dinner that night. 80 guests turned up for the event.





Fakulti Pengajian Bahasa Utama
(FPBU)

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)
Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Fakulti Pengajian Bahasa Utama FPBU)

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) telah mula beroperasi secara rasminya pada Mei 2005 dengan pengambilan pelajar perintisnya untuk Program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi Dengan Kepujian pada sesi pengajian akademik 2005/2006 seramai 27 orang pelajar.

Tujuan penubuhan fakulti ini adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan profesional dalam bidang bahasa. Mandakala objektif penubuhan fakulti ini pula adalah bagi melahirkan graduan yang menguasai pelbagai bahasa dan berpengetahuan secara bersepada serta seimbang bagi menghadapi cabaran era globalisasi dan menyelesaikan segala permasalahan yang ada di dalamnya.

FPBU ditadbir oleh Pemangku Dekan yang dipangku oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM. Pada November 2005, seorang Timbalan Dekan telah dilantik bagi melicinkan urusan pentadbiran fakulti. Tenaga akademik di FPBU adalah seramai 25 orang yang terdiri daripada para pensyarah dan tutor asal Unit Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris KUIM.

Pembangunan Pelajar

FPBU adalah sebuah fakulti yang baru ditubuhkan dan masih belum mempunyai graduan yang telah menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun, pada sesi pengajian 2005/2006, pelajar program pertama FPBU seramai 27 orang telah menduduki Peperiksaan Akhir Semester I. Seorang pelajar telah mendapat keputusan cemerlang dan layak mendapat Anugerah Dekan. Para pelajar FPBU juga telah menunjukkan perkembangan yang baik dan memberangsangkan di dalam akademik serta penguasaan bahasa, sesuai dengan dengan objektif penubuhan fakulti.

Aktiviti Pembangunan Ko-Kurikulum Pelajar

Sehingga akhir tahun 2005, FPBU telah mengadakan beberapa aktiviti kebajikan seperti majlis sambutan Hari Raya FPBU dan juga beberapa siri pertemuan pelajar dengan kakitangan akademik dan pentadbiran fakulti bagi mengeratkan hubungan bersama. Selain daripada itu, Bengkel pemantapan kursus-kursus program Bahasa Arab yang bakal ditawarkan turut diadakan termasuk bengkel penyediaan kursus-kursus bagi program Bahasa Inggeris.

Faculty Of Major Language Studies (FPBU)

The faculty of major language studies (fpbu) has started its operations officially in may 2005 with 27 students as the first batch for the bachelor of arabic language and communication with honours for the 2005/2006 academic session.

the aim of the faculty is to produce graduates who are knowledgeable and proficient in the language. the objective of the faculty is to produce graduates who master many languages, are knowledgeable and all-rounders in facing the challenges in the globalization era and managing issues pertaining it.

the fpbu is administered by the dean, dr rosni samah and the assistant dean, madam haliza harun. there are 25 academicians in the fpbu, who are lecturers and tutors of arabic and english.

Student Advancement

Students' Academic Development

Fpbu is a newly-founded faculty and has not yet produced graduates who have completed their studies. however, during the 2005/2006 academic session, the first batch of 27 fpbu students have sat for their semester 1 final examination. from the total number of candidates, one candidate obtained an excellent result and was entitled for the dean's list award. the remaining number of fpbu students have also shown good achievement in academics as well as mastery of the language, in line with the objectives of the faculty.

Student Co-Curriculum Advancement Activities

Up the end of year 2005, fpbu has initiated several activities, for instance the FPBU hari raya celebration and a series of meetings with students, academic staff and administrators of the faculty to strengthen the bonds among them. besides that, there were also workshops conducted to improve language skills such as the arabic language programmes and also workshops to assist in the preparation for the english language programmes.



Fakulti Pengajian Bahasa Utama FPBU) Faculty Of Major Language Studies (FPBU)

Pembagunan Sumber Manusia (Akademik)

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) mempunyai kekuatan tenaga akademik seramai 25 orang, terdiri daripada 13 orang pensyarah dan tutor Bahasa Arab dan 12 orang pensyarah Bahasa Inggeris. Daripada jumlah tersebut, seramai tiga (3) orang pensyarah telah melanjutkan pengajian masing-masing di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di universiti-universiti dalam dan luar negara.

Persidangan dan Seminar

Sepanjang tahun 2005, sebanyak 9 persidangan serta seminar telah dihadiri oleh kakitangan akademik FPBU sebagai peserta atau wakil fakulti. Persidangan yang dihadiri meliputi anjuran IPTA-IPTA tempatan, pihak swasta dan juga badan-badan Kerajaan di dalam serta luar negara. Ini adalah bertujuan memperluaskan lagi bidang pengetahuan mereka. Manakala beberapa buah persidangan telah disertai sebagai pembentang kertas kerja yang disenaraikan sebagaimana berikut:

Human Resource Advancement (Academic)

Fpbu academic staff on study leave until december 2005, faculty of major language studies has 25 academicians comprising 13 arabic lecturers and tutors and 12 english lecturers. 3 english lecturers have left to further their studies at the phd level at foreign and local universities.

Conferences And Seminars

Throughout 2005, there were 9 conferences and seminars attended by the academic staff of fpbu as presenters, participants or representatives of the faculty. those conferences or seminars were organized by public universities, private institutions of higher learning, as well as other government or foreign bodies. this is aimed to broaden the academicians' knowledge in their respective fields. the papers presented in these conferences /seminars are as follow:

Bil	Tarikh	Nama Persidangan/Seminar	Kakitangan Akademik yang terlibat	Tajuk Kertas kerja	Tempat
1.	16-18 Sept 2005	Business English in The The 21st Century	Pn. Noraini Abd. Rahman	Characteristics of an Effective Sales Presentation: Perspective from Two Discourse Communities	Regional Language Language Centre, Singapore
2	19-20 Sept 2005	International Seminar On Al-Quran 2005	Pn. Noraini Abd. Rahman Pembentang Bersama: Pn. Normazla Ahmad Mahir Pn. Haliza Harun	Individual And Collective Obligations: The Significance of Surah An-Nisaa' in Defining Muslim Women's Roles In The Globalization Era	Hotel Pan Pacific, KL
3	3-4 Dec 2005	2nd National Seminar on Second/Foreign Language Learners & Learning	Pn. Noraini Abd. Rahman	Different Approaches To Teaching Grammar: A Case Study	UPSI, Tanjung Malim



Fakulti Pengajian Bahasa Utama FPBU Faculty Of Major Language Studies (FPBU)

4	14-16 Nov 2005	International Conference on the Teaching & Learning of English: Towards an Asian Perspectives	Pn. Normazla Ahmad Mahir	Language Learning Attitudes & English Language Proficiency of First Year Quranic Students: A Case Study at KUIM	City Bayview Hotel, Penang
---	----------------	---	--------------------------	---	----------------------------

Jadual : Pembentangan Kertas Kerja oleh Kakitangan Akademik FPBU 2005

Penulisan dan Penerbitan

Selain daripada menghadiri persidangan, kakitangan akademik juga adalah digalakkan supaya menjalankan penyelidikan dan penulisan sama ada secara individu maupun berkumpulan. Pada tahun 2005, sebanyak 4 buah penyelidikan telah dan sedang dihasilkan oleh kakitangan akademik FPBU.

Dari segi penerbitan pula, beberapa buah terbitan hasil usaha secara individu maupun bersama kakitangan akademik FPBU telah diterbitkan. Antara penerbitan yang diterbitkan adalah sebagaimana senarai berikut:

Writing And Publication

Besides attending conferences, the academic staff are also encouraged to conduct research and write papers individually or collectively. In 2005, there were 4 completed and on-going research papers conducted by the fpbu academic staff.

As for publications, there were also contributions from the fpbu academic staff either individually or collectively. The publications from the academic staff are as follows:

BIL	NAMA	TAJUK RENCANA / BUKU	PENERBIT
1.	Dr. Rosni Samah	1. Al Qisah al-Butuliyah Binal Adabaini 2. Al Qisah al-Diniyyah al Melayawiyah Wa Ta'thir al-Adab al Arabi Wal Hadhoroh al-Islamiyyah Fiha 3. Sirah Saif Bin Zdi Yayan Fi Al Adab Al Melayawi, 4. Kamus Bahasa Arab Komunikasi Untuk Tingkatan 1, 2 dan 3 5. Islam Hadhari: Penguasaan Ilmu Pengetahuan	- Jurnal Universiti Mestaghanim, Jazair, 2005 - Jurnal Adab, 2005, Universiti Al-Imam Muhammad Ibn Saud, Saudi Arabia - Jurnal Al-Ulum Al-Insaniyyah, 2005, Universiti Kuwait - Jurnal Adab, 2005, Universiti Al-Imam Muhammad Ibn Saud, Saudi Arabia - Jurnal Al-Ulum Al-Insaniyyah, 2005, Universiti Kuwait
2	En. Wan Moharani Mohamad En. Muhammad Marwan Ismail En. Zainur Rijal Abdul Razak	1. Sumbangan Maharah al-Qiraah Dalam Pembentukan Insan Hadhari 2. Dawr al-Lughah al Arabiyah Fi Fahmi Qadhyaya al Ulum Wa al Teknologiya Fi al-Quran	- Prosiding Wacana Pendidikan Islam, UKM 2005 - Proceeding International Seminar On Al Quran, KUIM 2005



Fakulti Pengajian Bahasa Utama FPBU) Faculty Of Major Language Studies (FPBU)

3	Pn. Wan Azura Wan Ahmad	Manhaj as-Sahabah Fi Naqli as-Sunnah	- Jurnal FPQS (Okt. 2005)
4	Pn. Norhaili Massari	The Popularity Of Internet Banking Among Uiitm Staff In The Northern Region: A Case Study In Uiitm Pulau Pinang, Kedah And Perlis.	- Article BRC UiTM 2005
5	Pn. Noraini Ab. Rahman	<ol style="list-style-type: none">1. Characteristics of an Effective Sales Presentation: Perspective from Two Discourse Communities2. Business English as a Discourse Community3. Reading Academic Texts	<ul style="list-style-type: none">- Ulum Islamiyyah KUIM, 2005- Business Issues, International Association of Teaching English As A Foreign Language, 2005- Buletin KUIM 2005
6	Pn. Noraini Ab. Rahman Pn. Haliza Harun	Politeness Strategies - A Comparison of Sociocultural Rules & Linguistic Manifestations in Bahasa Melayu & English	- Ulum Islamiyyah KUIM, 2005
7	Pn. Noraini Ab. Rahman Normazla Ahmad Mahir Pn. Haliza Harun	Individual And Collective Obligation: The Significance of Surah An-Nisaa' in Defining Muslim Women's Roles In The Globalization Era	- Proceeding International Seminar On Al-Quran, KUIM 2005
8	Pn. Noraini Ab. Rahman	Different Approaches To Teaching Grammar: A Case Study	- Proceeding UPSI, 2005
9	Pn. Normazla Ahmad Mahir	<ol style="list-style-type: none">1. Understanding Literary Criticism2. Language Learning Attitudes and Cooperative Learning3. Language Learning Attitudes & English Language Proficiency of First Year Quranic Students: A Case Study at KUIM	<ul style="list-style-type: none">- Buletin KUIM, 2005- Proceeding 2nd National Seminar on Second/Foreign Language Learners & Learning- Proceeding International Conference on the Teaching & Learning of English: Towards an Asian Perspectives
10	En. Zainur Rijal Abdul Razak	Islam Hadhari: Penguasaan Ilmu Pengetahuan	- Penerbitan KUIM

Jadual : Penerbitan yang telah dilakukan oleh Kakitangan Akademik FPBU 2005



Fakulti Pengajian Bahasa Utama FPBU) Faculty Of Major Language Studies (FPBU)


Pembangunan Organisasi

Kursus / Latihan / Bengkel Yang telah dihadiri. Di samping pembangunan akademik, kakitangan akademik dan pentadbiran FPBU juga tidak ketinggalan dalam mendapatkan latihan atau kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan lagi prestasi mutu kerja di dalam perkhidmatan dengan menghadiri kursus-kursus atau latihan anjuran dalaman maupun anjuran luar.

Organizational Advancement

Courses/ workshops attended besides academic advancement, Fpbu academic staff and administrators also attend courses or workshops organized by various organizations in seeking or obtaining skills and knowledge needed to upgrade their quality in work during their service By attending courses or workshops organized by various organizations.





Pusat Pengajian Umum

General Studies Centre

Fakulti Universiti Islam Malaysia

2005

Pusat Pengajian Umum (PPU) adalah satu pusat yang menyelaraskan 5 unit kecil yang terdiri daripada Unit Bahasa Arab, Unit Bahasa Inggeris, Unit Ko-Kurikulum, Unit Pengajian Sepanjang Hayat, dan Unit Pengajian Kursus Wajib Universiti. Unit-unit diketuai oleh seorang penyelaras yang dilantik di kalangan pensyarah universiti. Pusat Pengajian Umum berperanan menguruskan dan menyelaraskan unit-unit tersebut bagi melicinkan proses pentadbiran universiti khususnya dengan jumlah kakitangan akademik dan pentadbiran seramai 23 orang. Sebelum tertubuh dan lahirnya Pusat Pengajian Umum, bahagian ini dikenali sebagai Unit Pengajian Umum (UPU). Tetapi kini unit ini telah ditukar namanya sebagai Unit Pengajian Kursus Wajib Universiti dan diletakkan di bawah pengurusan Pusat Pengajian Umum bersama-sama 4 unit lain.

Unit Bahasa Arab diselaraskan oleh Dr. Badrul Munir Muhammad Nur. Tujuan penubuhan Unit ini adalah untuk membimbing pelajar memahami dengan lebih mendalam tentang bahasa Arab dari segi penggunaan dan amalan harian sama ada dari segi kemahiran menulis, membaca, bercakap, mendengar dan memahami kaedah-kaedah nahu Arab.

Unit Bahasa Inggris diselaraskan oleh Encik Abd. Karim Abdullah @ Leslie Terebessy. Unit ini begitu penting bagi para pelajar dalam memahami bahasa Inggeris kerana ia merupakan aset kepada para graduan apabila melangkah ke alam pekerjaan nanti. Unit ini diwujudkan supaya pelajar dapat mendalami kaedah pembelajaran bahasa Inggeris dengan lebih matang, mantap dan berkesan sama ada dari segi pertuturan, penulisan, pemahaman dan perdengaran.

Manakala unit Ko-kurikulum diselaraskan oleh En. Hisham Sabri dan ditubuhkan pada penghujung tahun 2005. Keperluan kepada kegiatan Ko-kurikulum sukan, kebudayaan dan kegiatan luar adalah perlu bagi menyediakan ruang yang lebih luas kepada para pelajar KUIM untuk menceburi aktiviti sihat terutama ang menjurus kepada kemahiran sukan dan rekreasi. Penawaran kursus ini berupaya menjadi imbangan dalam melahirkan pelajar berketrampilan, selain daripada kemahiran akademik. Unit Pengajian Kursus Wajib Universiti diselaraskan oleh En. Arif Fahmi Md Yusof. Unit ini mengurus dan menyelaraskan program dan kursus yang wajib diambil oleh setiap pelajar KUIM. Antaranya kursus yang wajib oleh pelajar ialah Tamadun Islam dan Tamaduan Asia.

The General Studies Centre (PPU) consists of five small units namely Arabic Unit, English Unit, Co-curriculum Unit, Lifelong Studies Unit and University Subject Studies Unit. Each unit is managed by a coordinator, who is also a lecturer in the respective field of studies. This centre is established to cater to all the five units in order to facilitate the university administrative process, with the support of its 23 academic and management staffs. The General Studies Centre was formerly known as General Studies Unit (UPU). Hence, the unit has been changed to University Subject Studies Unit and structured together with four other units under the expanded roof of The General Studies Centre (PPU).

The Arabic Unit is co-ordinated by Dr. Badrul Munir Muhammad Nur. The main purpose of the establishment of this unit is to develop the skills necessary for tertiary level study with the integration of the four basic language skills (speaking, listening, reading and writing).

The English Unit is managed by Mr. Abd. Karim Abdullah @ Leslie Terebessy. This unit is very essential in producing graduates who are well rounded and equipped with relevant language and communication skills to excel in their future careers and global environment.

The co-curriculum unit, established at the end of year 2005, is supervised by En. Hisham Sabri and. This unit plays its role to expose students to various types of sport, cultural and outdoor activities. The courses offered by this unit are aimed at developing physical fitness and soft skills, as an addition to academic excellence.

The University Subject Studies Unit is managed by En. Arif Fahmi Md Yusof. This unit is responsible for managing compulsory courses such as Islamic Civilisation, Asian Civilisation, Foundation of Information Technology, Creative Thinking, Basics of Quality Management and many more.



Pusat Pengajian Umum General Studies Centre

Pengantar Teknologi Maklumat, Pemikiran Kritis dan Kreatif, Asas Pengurusan Kualiti dan sebagainya.

Unit Pengajian Hayat diselaraskan oleh En. Mushaddad Hasbullah dan masih lagi di dalam penelitian kajian dan pembangunan. Walau bagaimanapun ia akan ditawarkan pada sesi 2006/2007.

The Lifelong Studies Unit is headed by En. Mushaddad Hasbullah and still in the process of being structured. It is anticipated that the courses under this unit are to be offered by 2006/2007.

CARTA ORGANISASI PUSAT PENGAJIAN UMUM GENERAL STUDIES CENTRE ORGANISATION CHART



Aktiviti Pusat Pengajian Umum Kursus intensif Bahasa Inggris

Kursus Intensif Bahasa Inggeris telah disediakan pada 13 Jun 2006 sempena minggu taaruf dan diwajibkan kepada pelajar yang baru mendaftarkan diri di KUIM. Kursus ini diadakan dengan tujuan memberi pendedahan dan persediaan awal kepada para pelajar baru sebelum bermulanya sesi perkuliahan. Ia penting bagi pelajar mengikutinya memandangkan semua kursus di KUIM dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Arab kecuali kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Seramai 630 orang pelajar baru dan 26 orang fasilitator telah terlibat dalam kursus ini.

Perkhemahan Bahasa Arab Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)

Di samping menganjurkan sendiri program atau aktiviti bahasa, Unit Pengajian Bahasa juga terlibat dengan program kerjasama dengan fakulti-fakulti lain dengan memberi khidmat mengajar dan memberi kursus yang diminta oleh pihak fakulti.

General Studies Centre Activities English Intensive Workshop

The English intensive Workshop was held at 13 June 2006 particularly for the newly registered first year students during orientation week. The purpose of this workshop was to highlight the importance of English as a medium of communication in tertiary education. This exposure is crucial as all the courses in KUIM are delivered in English and Arabic except the Islamic Civilisation and Asian Civilisation courses (TITAS). About 630 new students were involved in this workshop with the guidance of 26 facilitators.

Students Affairs Department Arabic Camp

Besides organising its own activities, The General Studies Centre has also successfully conducted collaborative programs with other faculties.



Pusat Pengajian Umum General Studies Centre

Pada 2 hingga 4 April 2005, Bahagian Hal Ehwal (HEP) dengan kerjasama Unit Bahasa Arab telah menganjurkan Perkhemahan Bahasa Arab atau *Mukhayyam Al-Lughatul Arabiyyah* kepada pelajar tahun satu sesi 2005/2006 bertempat di Chalet Seri Warisan, Melaka. Bengkel ini melibatkan tenaga pengajar atau fasilitator dari Unit Bahasa Arab bagi menyediakan modul kursus dan memberi kursus kepada para peserta.

Karnival debat KUIM

Pada 17 hingga 24 September 2005, KUIM telah mengadakan pertandingan debat di antara fakulti dan jabatan yang melibatkan pensyarah-pensyarah dan guru-guru bahasa. Unit Bahasa Arab sebagai jurumudi, jurulatih dan urus setia pada karnival tersebut. Debat yang diadakan ini adalah selaras dengan hasrat universiti untuk melahirkan pendebat-pendebat yang terbaik dan akan mewakili Universiti di peringkat IPTA.

Program Intensif Bahasa Arab Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

Fakulti Sains dan Teknologi (FST) juga tidak ketinggalan menganjurkan Program Intensif Bahasa Arab atau *Mukhayyam al-Lughatul Arabiyyah* kepada pelajar mereka. Program Bahasa Arab ini diadakan pada 23 April 2005 di Cameron Highland. Program ini telah disediakan oleh pelajar tahun satu sesi 2005/2006 fakulti Sains dan Teknologi dan beberapa orang fasilitator Unit Bahasa Arab. Program yang dianjurkan ini memberi manfaat kepada para pelajar kursus dan seterusnya membantu mereka mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan bagi kursus Maharat Khususnya.

Penyelidikan

Disamping tugas mengajar kakitangan PPU tidak ketinggalan membuat penyelidikan Universiti yang diuruskan oleh Pusat Penyelidikan dan Persidangan, KUIM. Sebuah penyelidikan telah disiapkan pada tahun 2005.

Kakitangan Yang Menghadiri Persidangan dan Seminar

Selain daripada tugas mengajar dan menyediakan modul-modul yang berkaitan, ahli akademik juga berkesempatan menghadiri persidangan yang dianjurkan oleh berbagai-bagai pihak. Seramai dua orang pensyarah telah menghadiri persidangan anjuran IPTA dan Badan-badan Kerajaan di dalam negara.

On 2 to 4 April 2005, the Arabic Unit jointly with the Students' Affairs Department (HEP) has organized an Arabic Camp or *Mukhayyam Al-Lughatul Arabiyyah*. The camp was attended by first year students and held at the Chalets Seri Warisan, Melaka. Instructors or facilitators from the Arabic Unit have developed the modules and conducted the course.

KUIM Debate Carnival

On 17 to 24 September 2005, KUIM has organised an inter-faculty and departmental debate competition for lecturers and language teachers. The Arabic Unit played its role as monitor, coach and committee of the carnival. The debate competition was organised to accomplish the university's aim to produce credible, esteemed debaters and represent KUIM in competitions at higher levels.

FST Arabic Intensive Program


The Faculty of Science and Technology has organised an Intensive Arabic Camp or *Mukhayyam al-Lughatul Arabiyyah* for its students. This Camp was held on 23 April 2005 in Cameron Highlands, and was attended by the first year students of 2005/2006 and some facilitators. This program was very fruitful and helped students a great deal in their studies, particularly for the Maharat course.

Research

Besides teaching, PPU academicians are actively involved in conducting university research administered by the Centre for Research and Conference Management (PPR), KUIM. Much research has been successfully carried out in 2006.

Attending Conferences and Seminars

Besides the workload of teaching and preparing modules, academicians also attended various conferences. Two lecturers have attended conferences organised by local public universities and government institutes.



Hal Ehwal Sumber Manusia

Human Resource Management

Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Pengurusan

Perjawatan

Beberapa siri temuduga telah diadakan di luar negara dalam usaha menarik lebih ramai tokoh akademik untuk berkhidmat di KUIM. Pada 21 Mac 2005, seramai 5 orang wakil pengurusan KUIM dengan diketuai Y.Bhg. Rektor telah ke Kaherah Mesir untuk sesi temuduga Profesor Perubatan. Siri temuduga ke luar negara seterusnya telah diadakan pada 12 April 2005 di London. Berbeza dengan temuduga di Mesir, fokus temuduga di London ialah untuk mendapatkan tenaga akademik perubatan dari kalangan warganegara Malaysia sendiri yang bakal menamatkan pengajian dalam waktu terdekat. Sehingga 31 Disember 2005, jumlah keseluruhan kakitangan KUIM adalah seramai 516. Peratusan pengisian bilangan kakitangan KUIM mengikut pecahan kategori jawatan adalah seperti berikut :-

Jadual : Peratusan Pengisian Bilangan Kakitangan KUIM Mengikut Pecahan Kategori Jawatan
Table : Percentage of KUIM's Staff According to The Post Categories

KATEGORI JAWATAN <i>Post Category</i>	JUMLAH PERUNTUKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2005 <i>Allocation as at December 31st, 2005</i>	JUMLAH PENGISIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2005 <i>Post Filled as at December 31st, 2005</i>	PERATUS PENGISIAN <i>Percentage</i>
Akademik <i>Academic</i>	290	210	72.41%
Pentadbiran <i>Administration</i>	308	306	99.35%

Jadual: Pengisian Kakitangan Akademik Mengikut Jawatan
Table : Total Number of Academic Staff

JAWATAN <i>Post</i>	GRED GAJI 31 DISEMBER 2005 <i>Salary Grade</i>	PERUNTUKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2005 <i>Allocation as at December 31st, 2005</i>	JUMLAH PENGISIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2005 <i>Post Filled as at December 31st, 2005</i>
Profesor <i>Professor</i>	VK7/6/5	19	10
Profesor Perubatan <i>Medical Professor</i>	VK7/6/5	6	1
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	DS53/54	26	5
Prof. Madya Perubatan <i>Associate Professor (Medical)</i>	DU53/54	2	1



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Pensyarah Kanan	DS51/52	15	9
Pensyarah Kanan Perubatan	DU51/52	2	1
PERUBATAN			
Pensyarah	DS45	130	89
Pensyarah Perubatan	DU45	3	6
Tutor	DA41	43	69
Guru Bahasa	DG41	29	14
Guru PPPS	DG41	15	5
	JUMLAH	290	210

Jadual : Bilangan Kakitangan Akademik Mengikut Kelulusan
Table : Total Number of Academic Staff According to Qualifications

JAWATAN/ Post	KELULUSAN/ Qualifications		
	PhD/PhD	Sarjana/ Master Degree	Sarjana Muda/Degree
Profesor <i>Professor</i>		11	
Profesor Madya <i>Associate Professor</i>	6		
Pensyarah <i>Lecturer</i>	13	86	6
Tutor <i>Tutor</i>	24	45	
Guru Bahasa <i>Language Teacher</i>	2	12	
Guru (PPPS) <i>Teacher (PPPS)</i>	1	4	
JUMLAH <i>Total</i>	30	113	67



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Jadual: Pengisian Kakitangan Pentadbiran Mengikut Kumpulan Jawatan
Table: Total Number of Administration Staff According to Post Categories

JAWATAN Post	PERUNTUKAN SEHINGGA 31 DISEMBIR 2005 Allocation as at December 31st, 2005	JUMLAH PENGISIAN SEHINGGA 31 DISEMBIR 2005 Post Filled as at December 31st, 2005
Kumpulan Pengurusan dan Profesional <i>Management and Professional</i>	74	78
Kumpulan Sokongan <i>Supporting and Technical</i>	234	228

Jadual: Senarai Dekan / Pemangku Dekan Dan Pengarah / Pemangku Pengarah

NAMA Name	JAWATAN Designation
Prof. Datin Dr. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim	Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan <i>Dean of Faculty of Leadership and Management</i>
Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa	Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang <i>Dean of Faculty of Syariah and Law</i>
Prof. Dr. Muhamad Muda	Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat <i>Dean of Faculty of Economics and Muamalat</i>
Prof. Dr. Jalani Sukaimi	Dekan Fakulti Sains dan Teknologi <i>Dean of Faculty of Science and Technology</i>
Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail	Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan <i>Dean of Faculty of Medicine and Health Science</i>
Dr. Adnan Mohamed Yusoff	Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah <i>Dean of Faculty of Quranic and Sunnah Studies</i>
Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin	Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Bahasa Utama <i>Acting Dean of Faculty of Major Languages</i>
Prof. Dr. Jalani Sukaimi	Pemangku Pengarah Pusat Tamhidi <i>Acting Director of TAMHIDI Center</i>
Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa	Pemangku Pengarah INFAD <i>Acting Director of INFAD</i>
Prof. Madya Dr. Ahmed Mahir Mohamed Mokhtar Bakri	Pemangku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan <i>Acting Director of Center for Research and Conference Management</i>
Pn. Selvarani a/p P. Kovil Pillai	Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa <i>Director of Corporate and International Affairs</i>



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Perkhidmatan

Persaraan Kakitangan

Dalam usia KUIM yang baru 5 tahun dua (2) orang pegawai tinggi KUIM telah bersara wajib apabila genap umurnya 56 tahun. Kakitangan yang bersara ialah Y. Bhg. Datin Prof. Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, (Profesor) Dekan di Fakulti kepimpinan dan Pengurusan KUIM pada 25 Februari 2005. dan Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, (Profesor) Timbalan Rektor HEP dan Alumni, KUIM pada 27 Oktober 2005. Bagi meraikan persaraan kedua-dua kakitangan ini, Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang telah diadakan Hotel Equatorial Bandar Baru Bangi, Selangor pada 16 Disember 2005. Memandangkan perkhidmatan mereka amat diperlukan, KUIM telah melantik semula Y. Bhg. Datin Prof. Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, (Profesor) Dekan di Fakulti kepimpinan dan Pengurusan KUIM mulai 26 Februari 2005 dan Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, (Profesor) Timbalan Rektor HEP dan Alumni, KUIM mulai 28 Oktober 2005.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas

Setiap tahun KUIM mengurniakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002 kepada kakitangannya yang telah memberikan perkhidmatannya yang cemerlang mengikut Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Anggota Perkhidmatan Awam. Pemilihan anggota yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan dengan menggunakan borang laporan penilaian prestasi tahunan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Anggota yang mendapat markah 85 peratus dan lebih adalah layak dipertimbangkan untuk menerima APC. Seramai 30 orang telah dikurniakan APC pada tahun 2004 iaitu 8% daripada bilangan kakitangan yang sedia ada pada 31.12.2004

Selain daripada Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Terpuji, KUIM juga telah mengurniakan Anugerah Khas lain iaitu Anugerah Khas Untuk Pengurusan Tertinggi, Anugerah Pengajar Aktif (penerbitan, pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat), Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Persatuan/Kegiatan Mahasiswa Cemerlang, Anugerah Kualiti Rektor dan Anugerah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK).

Service

Staff Retirement

Within 5 years of its inception, KUIM has become a university with a vision to produce brilliant students. Within this period, 2 of its executive officers had retired. They were Y. Bhg. Datin Prof. Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Dean of the Faculty of Leadership and Management and Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, Vice Rector of HEP and Alumni who retired on 25th and 27th February 2005 respectively. On 16th December 2005, a farewell dinner themed 'Makan Malam Jasamu Dikenang' was held at the Equatorial Hotel in Bandar Baru Bangi, Selangor to show the university's appreciation of their services.

However, KUIM had made a decision to reinstate both staff. Thus, from 26th February 2005, Y. Bhg. Prof. Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim restarted her service as the Dean of the Faculty of Leadership and Management and Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias restarted his service as Vice-Rector of HEP and Alumni beginning 28th October 2005.

Best Services and Special Awards

Each year, KUIM appreciates its best serving staff by awarding them the Best Services Award. The selection is in accordance to 'Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Anggota Perkhidmatan Awam in the Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002'. The selection is also based on their marks in the annual performance assessment through a report form of the annual performance assessment as approved by the government. Staff with 85% marks and above will be in the consideration to receive this award. In 2004, 30 staff which made up 8% of the total staff were eligible to receive this award.

Other than these awards, KUIM also presented other awards which were 'Anugerah Khas Untuk Pengurusan Tertinggi', 'Anugerah Pengajar Aktif' (production, teaching, research and social service), 'Anugerah Khidmat Masyarakat', 'Anugerah Persatuan/Kegiatan Mahasiswa Cemerlang', 'Anugerah Kualiti Rektor' and 'Anugerah Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja' (KMK). Below are the lists of the recipients.



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Anjakan Gaji

KUIM telah melaksanakan pergerakan gaji tahunan dalam Sistem Saran Malaysia (SSM) secara pergerakan gaji biasa dan anjakan gaji telah dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2004 setelah kakitangan memenuhi syarat-syaratnya yang telah ditetapkan. KUIM telah meluluskan pergerakan gaji secara Anjakan Gaji buat kali ke dua kepada 29 orang yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di atas iaitu 7 orang mulai tahun 2004 yang telah lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2003 dan 22 orang mulai tahun 2005 yang telah lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2004.

Sistem Cuti "On - Line"

Bagi melicinkan pengurusan cuti kakitangan, KUIM telah menggunakan sistem cuti "On-Line" melalui sistem SISPEN. Walau bagaimanapun, setelah 5 tahun beroperasi KUIM telah meningkatkan lagi sistem pengurusan cuti dengan mengubah suai sistem mengikut keperluan daripada sistem SISPEN kepada sistem baru yang diberi nama sistem MUNAZZIM. Sistem ini telah mula beroperasi mulai 1 Oktober 2005.

Cuti Belajar

Pada tahun 2003 seramai tujuh orang kakitangan akademik melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sarjana mahu pun PhD. Jumlah ini meningkat kepada 14 orang pada tahun 2004. Bersesuaian dengan perkembangan program akademik KUIM, bilangan kakitangan akademik yang telah diluluskan bercuti belajar pada tahun 2005 juga telah meningkat. Seramai 32 orang telah diluluskan bercuti belajar iaitu melalui Biasiswa SLAB JPA dan juga Biasiswa KUIM. Ini termasuk lima orang kakitangan akademik yang telah diluluskan bercuti belajar bagi tahun 2006 iaitu 4 melalui Biasiswa SLAB JPA dan seorang bagi Biasiswa KUIM.

Destinasi tempat melanjutkan pengajian oleh kakitangan akademik juga semakin meluas. Pada masa ini, terdapat kakitangan KUIM yang sedang dan akan melanjutkan pengajian di United Kingdom, Syria, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia dan juga Jordan. Agihan mengikut fakulti bagi kakitangan akademik yang diluluskan pada tahun 2005 adalah seperti berikut.

Earning Shift System

KUIM had used the ordinary annual increasing salary system according to Sistem Saran Malaysia (SSM) from 2003. However, from 2004 onward it was changed to a new earning shift system. This system started being used when staff fulfilled the entire requirement. As a result, KUIM had used this system to 29 staff who had fulfilled the requirement. 7 of them had undergone this system starting from 2004 when they passed the 'Penilaian Tahap Kecekapan' (PTK) in 2003 and the rest underwent this system from 2005 when they passed the 'Penilaian Tahap Kecekapan' (PTK) in 2004.

On-Line Leave Application System

Formerly, KUIM was using the on-line leave system called SISPEN. After 5 years of operation, KUIM had improved its management of leave application system by modifying the previous system. The new system called MUNAZZIM was hoped to work more efficiently compared to the previous one. The system started being used from 1st October 2005.

Study Leave Unit

In 2005, the number of academic staff furthering their studies at local or overseas institutions was 32 compared to only 14 in 2004. This showed an increase of 18 staff furthering their studies last year. Meanwhile, 3 academic staff completed their studies. This means that until December 2005, the total number of academic staff on study leave was 43. They were sponsored by KUIM Scholarship and SLAB JPA, respectively.

At present, 23 academic staff are furthering their studies at the PhD level. The remaining 20 are pursuing Master's Degrees. The number of academic staff studying abroad is 17. In the United Kingdom there are 3 staff studying at the University of Edinburgh, one at the University Of East London, 2 at the University of Durham, 1 at the University of Stirling, 2 at the University of Exeter, 1 at the University of Keele, 1 at the University of Leeds, 1 at the University of Nottingham, and 1 at the University of Reading. In Jordan, New Zealand, Syria and USA, there is one staff studying in each of those countries. There are also 26 academic staff studying at local universities.



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Jadual : Agihan Kakitangan yang Bercuti Belajar mengikut Fakulti

The details of the activities are shown in Table.

Fakulti	Dalam Negara 2005		Luar Negara 2005		Luar Negara 2006		Jumlah
	PhD	Sarjana	PhD	Sarjana	PhD	Sarjana	
FSU	2	3	2	1	-	-	8
FPQS	-	2	1	-	-	-	3
FKP	1	2	-	-	-	2	5
FEM	1	2	1	-	3	-	7
FST	-	2	2	1	-	-	5
FPSK	-	-	-	1	-	-	1
UPU	-	-	-	-	-	-	-
Unit Bahasa Arab	-	-	-	-	-	-	-
Unit Bahasa Inggeris	1	-	2	-	-	-	3
Jumlah Besar	5	11	8	3	3	2	32

Unit Cuti Belajar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar pada tahun ini juga telah menyusun beberapa program untuk kakitangan yang akan melanjutkan pengajian mereka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kursus, bengkel, taklimat dan sebagainya seperti taklimat kursus Metodologi Penyelidikan untuk Calon SLAB dan juga perjumpaan dari semasa ke semasa dengan tutor dan kakitangan akademik.

In 2005, Study Leave Unit, Human Resource Division, Registrar Department have arranged a few activities for academic staff such as a Research Methodology Course for the SLAB Programme and a briefing to further study by a few universities in Australia.



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Jadual 48 : Aktiviti-aktiviti Unit Cuti Belajar 2005

Table 1: Study Leave Unit Activities

Bil	Program Programmes	Tarikh Date
1	Kursus Metodologi Penyelidikan untuk calon SLAB <i>Course on Research Methodology For the SLAB Programme</i>	2- 16 Mei 2005
2	Taklimat Melanjutkan Pengajian Dalam Bidang Bioteknologi Oleh University of Queensland, Australia <i>Briefing By the University of Queensland, Australia</i>	24 Oktober 2005
3	Taklimat Melanjutkan Pengajian Dalam Bidang Undang-undang Oleh University of Bonds Australia <i>Briefing By Bond University, Australia</i>	6 Disember 2005
4	Perjumpaan/taklimat Bersama Tutor dengan <i>Timbalan Rektor Akademik & Pengantarabangsaan</i>	Disember 2005
5	Pameran Skim Tutor/Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), JPA KUIM <i>Exhibition of Tutorship and Academic Schemes at the KUIM Library</i>	26 - 30 Disember 2005

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Tahun 2005 menyaksikan Unit Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar mengendalikan sepenuhnya Peperiksaan PTK bagi kumpulan sokongan yang terdiri daripada pelbagai jawatan bagi kumpulan gred 1-16; gred 17-26; dan gred 27-40. Seramai 53 orang kakitangan KUIM telah menduduki peperiksaan PTK yang telah diadakan pada pada 19 hingga 23 Disember 2005.

Bagi membantu calon-calon menghadapi peperiksaan ini, pihak Unit PTK telah mengadakan Program Bimbingan kepada semua calon-calon pada 14 hingga 15 Disember 2005. Selain itu juga, bahan-bahan rujukan tambahan telah diperolehi dan sebuah Pusat Sumber diwujudkan di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia sebagai tempat rujukan bagi kakitangan yang akan mengambil peperiksaan sama ada PTK, peperiksaan kakitangan awam atau jabatan. Selain itu juga, Unit PTK turut mengadakan pameran di Seminar Kemajuan Kerjaya yang diadakan pada 18 November 2005.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

The year 2005 saw the Competency Evaluation Unit (PTK), Human Resource Division, Registrar Department completely handled PTK exam for support staff with various posts for grades 1-16; grades 17-26; and grades 27-40. 53 staff sat for the exam which was held from 19-23 December 2005.

For academic staff, KUIM sent 5 DS45 lecturers to University Malaya (UM) and one DS-52 staff followed PTK-5 course organised by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). For administration and professional staff, KUIM still sent its staff to public universities and other government agencies. There was 13 staff in various categories.

To help exam candidates, PTK held preparatory programme from 14-15 December 2005. Apart from that, PTK also held a Career Development Seminar on 18 November 2005.



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Latihan

Bagi tahun 2005, sebanyak 45 buah kursus telah dirancang oleh Unit Latihan untuk semua kakitangan KUIM termasuk latihan ICT dengan kerjasama Unit IT. Latihan ini adalah bertujuan untuk membentuk sikap, kemahiran dan pengetahuan dikalangan kakitangan KUIM itu sendiri. Selain daripada mengikuti kursus dalaman yang dianjurkan oleh Unit Latihan sendiri, kakitangan KUIM juga dihantar untuk berkursus di agensi awam yang lain seperti Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Pendidikan, IPTA tempatan dan lain-lain agensi yang diiktiraf oleh kerajaan.

Selain daripada itu, kakitangan KUIM juga dihantar untuk berkursus di agensi swasta terutama bagi kursus yang memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi.

Usaha ini dijalankan bagi melahirkan kakitangan yang berdedikasi, cekap, bertanggungjawab, dan berdaya saing dalam menjalankan tugas masing-masing.

Disamping pengisian berbentuk pengetahuan dan kemahiran, Unit Latihan juga tidak terkecuali untuk menjayakan program yang mempunyai pengisian rohani kepada kakitangannya iaitu Tazkirah Syahriyyah yang dijalankan secara bulanan disamping Tazkirah Sinar Ramadhan yang dijalankan untuk kakitangan pentadbiran di Pusat Teknologi Maklumat (PTM) disepanjang bulan Ramadhan yang lalu.

Unit Latihan juga telah berjaya mengadakan Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan buat kali kedua bertempat di PDS Resort & Camp, Port Dickson adalah bertujuan untuk menimbulkan semangat kerja berpasukan dikalangan kakitangan bagi mencapai misi dan visi universiti.

Selaras dengan itu juga, Unit Latihan mengadakan Program Sangkutan Pegawai Tadbir KUIM yang memperlihatkan penghantaran pegawai ke agensi berkaitan untuk mendapat pendedahan tugas di tempat lain disamping memikirkan cara untuk memperbaiki sistem penyampaian (delivery system) yang sedia ada di KUIM.

Training

In 2005, forty-five courses had been planned by the Training Department for all KUIM staff including ICT Training in collaboration with the IT Department. The purpose of this training has been to develop the attitude, skills and increase the knowledge of the staff. Other than the internal courses organized by the Training Department, the staff must also undergo several courses at public institutions such as Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Ministry of Education, local IPTA and other recognized government agency.

For those who need highly technical skills, the staff was sent to private institutions. These efforts were taken to produce dedicated staff, responsible, efficient, and competent in their task.

Besides knowledge and skills, the Department of Training was also responsible for organizing a Program Tazkirah Syahriyyah, for the administrative staff at Pusat Teknologi Maklumat (PTM) during the past Ramadan.

The training Department also has succeeded in organizing Team Building activities for the second time at the PDS Resort & Camp, Port Dickson. The purpose was to create work team spirit among the staff to achieve the university's mission and vision.

With that purpose also, the Training Department held a Programme for Officers to expose the staff to other work environments and also to improve the delivery system currently used at KUIM.



Hal Ehwal Sumber Manusia Human Resource Management

Peperiksaan

Selain daripada menganjurkan kursus dan latihan, Unit Latihan juga bertindak sebagai sekretariat dalam mengendalikan Ujian Akhir Kursus Induksi dan juga Peperiksaan Perkhidmatan yang bertujuan sebagai salah satu syarat dalam pengesahan perkhidmatan didalam Perkhidmatan Awam. Peperiksaan Induksi dijalankan secara serentak dengan Perkhidmatan Awam lain di seluruh Malaysia dan soalan peperiksaan adalah berpusat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia.

Soalan-soalan bagi Peperiksaan Perkhidmatan adalah disediakan oleh Ketua Jabatan yang mewakili Jabatan atau Bahagian mengikut skim kakitangan yang memohon. Peperiksaan Perkhidmatan pada tahun 2005 telah melibatkan penyertaan daripada 35 orang kakitangan yang ingin mendapatkan pengesahan perkhidmatan. Peperiksaan tersebut telah diadakan pada 10,11 dan 12 Oktober 2005 yang lalu.

Examination

The training Department also acts as the secretariat in handling Final Examinations for Induction Courses and Service Examinations as a pre-requisite for service confirmation in the Public Service. The induction exam was held at the same time with other Government Agencies all over Malaysia. All exam questions are centralized from the Public Service Department of Malaysia (JPA)

All the exam questions are prepared by the Head of Department that represents the Department or Division according to the applicant scheme. For 2005, there were 35 applicants for the Service Examination to apply for service confirmation. The exam was held on 10, 11 and 12 October, 2005.





Hal Ehwal Koporat
Public Relation's and Corporate Affairs
Kolej Universiti Islam Malaysia

2005

Pengurusan Kualiti

Persijilan MS ISO 9001:2000 Skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program yang telah dicapai oleh KUIM pada tahun 2004 telah membantu meningkatkan daya saing Universiti secara keseluruhan. Pengamalan kepada Sistem Pengurusan Kualiti telah membantu KUIM untuk terus menunjukkan prestasi yang cemerlang seiring dengan pertambahan Fakulti dan program-program pengajian. Pada tahun 2005, aktiviti Unit Pengurusan Kualiti adalah lebih kepada program-program kesedaran kepada kepentingan kualiti dalam sesebuah organisasi dan program-program pemantapan kepada penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti KUIM.

Quality Management

The MS ISO 9001:2000 certification scope Provision Of Education Services At Undergraduate Level Including The Design And Development Of Programme Curriculum from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. moved KUIM one step ahead and gained better image in order to compete with other universities. The implementation of MS ISO 9001:2000 Quality Management System has had a positive impact on public confidence in KUIM's teaching and learning. In 2005, Quality Management Unit activities are focused on the Awareness Programmes related to QUALITY.

Bil.	Tarikh Date	Tempat Venue	Nama Program Programme	Objektif Objective
1.	27/1/05	Foyer Tingkat 11, Menara B Kolej Universiti Islam Malaysia	Ceramah Kesedaran (Awareness) dan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti KUIM oleh SQIS SIRIM Berhad	Memberi kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan kualiti khususnya kepada Penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan oleh KUIM kepada kakitangan.
2.	27 - 29/01/05	Pandan Indah, Kuala Lumpur	Bengkel Pemantapan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) KUIM dikendalikan oleh En. Abd. Ghani Abd Rahman, Juruperunding Kanan, SQIS SIRIM Berhad	Memperkemaskan dan memberi lebih pendedahan kepada Pasukan Audit Kualiti KUIM disamping memberi latihan kepada auditor baru.
3.	9 - 23/03/05	Hotel Alson Klang Seremban, Negeri Sembilan	Audit Kualiti Dalaman Bil. 1/2005	Mencari ruang untuk penambahbaikan bagi memantapkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti KUIM. Audit dijalankan di semua Bahagian/ Jabatan/ Unit/ Fakulti.



Hal Ehwal Koporat Public Relation's and Corporate Affairs

4.	14/04/05	Fakulti Sains dan Teknologi Bangi, Selangor	i) Taklimat Kesedaran (Awareness) Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 ii) Taklimat Jaminan Kualiti Akademik	Membekalkan input yang berkaitan kepada semua kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik di Fakulti Sains Teknologi berkenaan MS ISO 9001:2000 dan Jaminan Kualiti Akademik.
5.	13/04/05	Residence @ UNITEN Hotel Bangi, Selangor	Bengkel Pengemaskinian Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000	Memastikan semua dokumen yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti adalah dokumen yang terkini untuk dirujuk.
6.	2 - 3/9/05	Le Paris Hotel & Resort Port Dickson, Negeri Sembilan	Kursus Penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 dan Jaminan Kualiti Akademik	Memberi kefahaman dan kesedaran kepada semua kakitangan akademik tentang saling kaitan antara Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 dengan Jaminan Kualiti Akademik.
7.	22/09/05	DKS 1.2, KUIM Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan	Ceramah Kesedaran (Awareness) Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000	Memberi kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000 yang diamalkan oleh KUIM khususnya kepada kakitangan baru.
8.	27/09/05	Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI) Tanjung Malim Perak	Lawatan sebagai Pemerhati ke Konvensyen KMK Ke 2 Peringkat IPTA	Memberi pendedahan kepada KMK tentang strategi persembahan KMK.
9.	3/10/05	Dewan Kuliah Pusat I KUIM, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan	Konvensyen KMK Peringkat Universiti Kali Pertama	Memberi peluang kepada KMK untuk membuat persembahan dan memberi pengiktirafan kepada KMK yang telah berjaya menyumbang kepada penambahbaikan dalam proses kerja.



Hal Ehwal Koporat Public Relation's and Corporate Affairs

10.	16/11/05	Dewan Kuliah Pusat 1 KUIM, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan	Sambutan Hari Q KUIM 2005	Memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2004.
11.	15 - 23/12/05	Kolej Universiti Islam Malaysia Bandar Baru Nilai	Audit Kualiti Dalaman Bil. 2/2005	Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti yang diamalkan di KUIM sentiasa memenuhi standard ISO disamping sebagai persediaan untuk menghadapi Audit Pematuhan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn.Bhd. pada Februari 2006.
12.	29/12/05	Dewan Kuliah 1.2 (DKS 1.2) KUIM, Bandar Baru Nilai	Taklimat 5S	Memberi pemahaman kepada semua kakitangan KUIM tentang kepentingan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif melalui pendekatan praktis 5S.

Penerbitan KUIM

Unit Penerbitan adalah salah satu unit di bawah Canselor yang merupakan urus setia bagi Jawatankuasa Penerbitan yang di penguruskan oleh Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan) dalam melakukan gerak kerja penerbitan buku-buku ilmiah dan aktiviti penerbitan.

KUIM Publications

The Publishing Unit, under the supervision of the Chancellery, is a member of the Publishing Committee chaired by the Deputy Rector of KUIM (Academic and Internationalisation). It executes all of the academic book publication tasks and other publication activities.





Hal Ehwal Koporat Public Relation's and Corporate Affairs

Jadual: Senarai buku terbitan KUIM sepanjang tahun 2005
Table : List of books published by the KUIM in 2005

Bil	Pengarang/Penyunting	Judul	ISBN
1	Muhammad Yusuf Khalid	Biografi Kiyai Hj. Abd. Rahman Ambo Dalle dan Sumbangannya dalam Dakwah di Sulawesi Selatan Indonesia	983-41007-6-0
2	Mohamed Sharif Bashir	Human Capital and Trade Structure of Malaysia's Manufactures	983-2950-16-3
3	Irwan Mohd Subri, Farah Salwani Muda @ Ismail, Mohamed Bechir Salem	Kajian Syariah dan Undang-undang Siri 2	1829-4569
4	Shamsul Bahri Andi Galigo	Al-Haraqah Al-Batinyyah fi Mizan Al-Islam - Dirasah Naqdiyyah lil Batiniyyah Al-Jawiah	983-2950-09-0
5	Faridah Zou Zou, Mohd Khair Hasb Er Rasul, Irwan Mohd Subri	Dirasat fi Al-Ijtihad wa Al-Taqnин	983-41280-3-7
6	Azman Abdul Rahman	Ahkam Al-Musobaqat Al-Muasarah fi Al-Fiqh Al-Islamiy	983-2950-13-9
7	Irwan Mohd Subri, Azman Abd. Rahman, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Faridah Zou Zou	Diskusi Syariah dan Undang-undang Siri 2	1829-4593
8	Muhamad Mustaqim Mohd Zarif, Afaf Abd Ghafoor Hameed, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar	Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah Siri 2	983-2950-17-1
9	Syamsul Bahri Andi Galigo, Khairunnizzam Mohd Noor, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali, Rozita Abdullah	Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu dan Berakhlaq	983-2950-19-8
10	Ismail Abdullah	Insan dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam	983-2950-18-X
11	Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Wan Abdul Fatah Wan Ismail	Islam Hadhari : Rakyat Berjiwa Merdeka	983-2950-21-X
12	Rosni Samah, Nurdiana Azizan, Zainurrijal Abd. Razak	Islam Hadhari : Penguasaan Ilmu Pengetahuan	983-2956-20-1



Hal Ehwal Koporat Public Relation's and Corporate Affairs

Aktiviti-aktiviti Penerbitan

Bengkel Penulisan Bahasa Inggeris

Bengkel Penulisan Bahasa Inggeris ini telah diadakan pada 5 dan 6 Februari 2005 bertempat di Bukit Merah Laketown Resort. Sebagai pusat pengembangan akademik, KUIM tidak menumpukan penulisan dalam satu bahasa sahaja. Oleh yang demikian bengkel ini diadakan sebagai alternatif kepada para pensyarah untuk memantapkan lagi skil penulisan dalam bahasa Inggeris. Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini ialah Prof. Madya Dr. Faridah Noor Mohd Noor, Penolong Pengarah Pusat Dialog dan Peradaban, Universiti Malaya. Seramai 25 orang peserta telah menyertai bengkel ini.

Ceramah Penulisan Akademik : Gaya Akhbar

Sejajar dengan matlamat KUIM untuk melahirkan para ilmuwan dan sarjana dalam pelbagai bidang, Unit Penerbitan mengambil inisiatif mengadakan satu ceramah penulisan akademik gaya akhbar yang merupakan kali pertama dianjurkan oleh Unit Penerbitan. Dua orang penceramah dijemput iaitu En. Zaini Hasan, Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia dan En. Abd. Ghani Nasir, Pengarang Rencana Minda Berita Harian. Ceramah ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM.

Bengkel Penulisan Khas Islam Hadhari

Bengkel Penulisan Khas Islam Hadhari telah diadakan pada 12 Julai 2005 bertempat di PNB Darby Park, Kuala Lumpur. Seiring dengan saranan Perdana Menteri yang memperkenalkan konsep Islam Hadhari, KUIM telah meletakkan matlamat untuk menerbitkan buku dan rencana akhbar berkaitan Islam Hadhari. Para fasilitator dan penceramah yang terlibat ialah Prof. Zakaria Stapa, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia telah dijemput bagi sesi penghasilan buku dan En. Ghani Nasir dari Berita Harian serta En. Zin Mahmood dari Utusan Malaysia bagi sesi rencana akhbar.

Majlis Pelancaran Buku KUIM 2005

Majlis Pelancaran Buku KUIM telah diadakan pada 15 Disember 2005 bertempat di Hotel Pan Pacific, KLIA Sepang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B Dato' Dr. Abdullah Md. Zin.

English Writing Workshop

The English Writing Workshop was held on the 5th and 6th of February 2005 at Bukit Merah Laketown Resort. As an academic expansion center, KUIM intends to publish its writings in multiple languages. Hence, this workshop was held to help KUIM academic staff to improve their writing skills in English. The Assistant Director of the Dialogue and Cultural Center of the University of Malaya, Prof. Madya Dr. Faridah Noor Mohd Noor, was invited to speak. A number of 25 participants took part in this event.

Academic Writing Talk: Press Style

In order to realize its vision to generate intellectuals and scholars in various fields, the Publishing Unit of KUIM had decided to organize, for the first time, an academic writing talk with highlights on the press style. Two speakers were invited. They were Mr. Zaini Hasan, the writer of Berita Kanan of Utusan Malaysia and Mr. Abd. Ghani Nasir, the author of Rencana Minda of Berita Harian. This event was launched by Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, the Rector of KUIM on the 12 April 2005.

Special Writing on Islam Hadhari Camp

The Special Writing on Islam Hadhari Camp was held on the 12th of July 2005 at PNB Darby Park, Kuala Lumpur. As to respond to the Prime Minister's call on the practice of Islam Hadhari in Malaysia, KUIM is working on publishing books and newspaper articles about this concept. Prof. Zakaria Stapa, Dean of the Islamic Studies Faculty of the National University of Malaysia was invited to talk about book publication whereas Mr. Ghani Nasir from Berita Harian and Mr. Zin Mahmood from Utusan Malaysia were invited to conduct the newspaper articles session.

KUIM Book Launch Ceremony of 2005

KUIM Book Launch Ceremony was held on the 15th of December 2005 at Pan Pacific Hotel, KLIA, Sepang. The event was officiated by Y.B Dato' Dr. Abdullah Md. Zin, a minister of Prime Minister Department.



Hal Ehwal Korporat Public Relation's and Corporate Affairs

13	Alina Abdul Rahim, Abd. Hamid Abd. Murad	Islam Hadhari dan Kehidupan	983-2950-22-8
14	-	Journal of Muamalat and Islamic Finance Research Vol.1	1829-075X
15	-	Journal Ulum Islamiyyah Vol. 2	1675-5936
16	-	Journal Ulum Islamiyyah Vol. 3	1675-5936

Sebanyak 14 buah buku telah dilancarkan termasuk buku Islam Hadhari : Rakyat Berjiwa Merdeka dan Islam Hadhari : Penguasaan Ilmu Pengetahuan serta Islam Hadhari dan Kehidupan. Majlis ini juga telah dihadiri oleh tetamu dari IPTA lain dan badan berkanun yang bergiat di dalam penerbitan.

Pesta Buku Antarabangsa 2005 di PWTC

Unit Penerbitan telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa yang berlangsung pada 23 April hingga 2 Mei 2005, berkongsi booth dengan UIAM.

Pameran dan jualan Buku IPTA di UM

Unit Penerbitan KUIM telah menyertai satu pameran buku anjuran UM yang berlangsung pada 26 - 30 September 2005 bertempat di Dewan Canselor Universiti Malaya.

Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA di PWTC

Unit Penerbitan juga tidak melepaskan peluang menyertai pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA yang diadakan setiap dua tahun sekali anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, bersama-sama ahli MAPIM yang lain pada 30 September hingga 2 Oktober 2005 di PWTC.

Pameran dan Jualan buku di seminar-seminar anjuran KUIM Sepanjang 2005, Unit Penerbitan telah terlibat dengan beberapa seminar anjuran KUIM di perbagai peringkat seperti :

Fourteen books including two journals were launched including Islam Hadhari: Rakyat Berjiwa Merdeka, Islam Hadhari: Penguasaan Ilmu Pengetahuan, and Islam Hadhari dan Kehidupan. The ceremony was also attended by representatives from other local universities and publishing companies.

International Book Feast of 2005 at PWTC

The Publishing Unit of KUIM had shared a booth with the International Islamic University of Malaysia in the International Book Feast that took place from the 23rd of April to 2nd of May 2005.

Local Universities Book Sales and Exhibition at the University of Malaya

The Publishing Unit of KUIM had attended to a book exhibition organized by the University of Malaya between the 26th and 30th of September 2005 at the U of M Chancellor Hall.

Local Universities Research and Development Exhibition at PWTC

The Publishing Unit also participated in the Local Universities Research and Development Exhibition from the 30th of September until 2nd of October 2005 at PWTC. This event, which is held every two years by the Ministry of Higher Education of Malaysia, was also attended by other members of MAPIM.



Hal Ehwal Koporat Public Relation's and Corporate Affairs

- Seminar Pengurusan Fatwa Antarabangsa di Hotel Nikko pada 16 dan 17 Ogos 2005.
- Konvensyen Pendakwah Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia
- Konvensyen Kehakiman dan Guaman Syarie di Pan Pacific KLIA, Sepang.
- Seminar Antarabangsa Al-Quran di pada 16-17 September 2005 di Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur.

Seimbang dengan peningkatan penerbitan buku oleh Unit Penerbitan, sasaran strategi telah ditambah. Di antaranya ialah dengan menambahkan bilangan pengedar buku, meningkatkan lagi jaringan antara kedai-kedai buku seperti di MPH, Konikuniya dan lain-lain kedai buku.

Unit Penerbitan KUIM mempunyai harapan yang tinggi agar dapat bergiat dengan lebih cergas lagi dalam usaha memantapkan penghasilan buku ilmiah yang bermutu untuk menjadi rujukan dan pemangkin dalam membudayakan ilmu di kalangan ahli akademik dan pelajar KUIM serta masyarakat.

Perhubungan Awam

Lawatan

Pada tahun 2005, KUIM telah menerima kunjungan daripada beberapa pusat pengajian dan pihak swasta dari seluruh pelosok negeri untuk melihat perkembangan KUIM dengan lebih dekat lagi. Antara pusat pengajian dan pihak swasta yang telah membuat kunjungan ke KUIM adalah seperti berikut :-

